Sehingga 31 Disember 2013, bilangan pengisian bagi semua kumpulan perkhidmatan di JPA adalah sebanyak 2,601 (95%) berbanding bilangan perjawatan iaitu sebanyak 2,724 yang terdiri daripada 43 (2%) jawatan dari Kumpulan Pengurusan Tertinggi, 873 (32%) jawatan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 1,808 (66%) jawatan dari Kumpulan Sokongan. Jadual di bawah menunjukkan kedudukan perjawatan, pengisian dan kekosongan mengikut kumpulan perkhidmatan.

JPA PERFORMANCE

POSTS AND PERSONNEL

As of 31st December 2013, 2,601 (95%) of the 2,724 posts had been filled of which 43 (2%) were from the Top Management Group, 873 (32%) from the Management and Professional Group and the remaining 1,808 posts (66%) were from the Support Staff. The figure below indicates the breakdown of the posts and personnel according to the services group.

PERJAWATAN, PENGISIAN DAN KEKOSONGAN MENGIKUT KUMPULAN JAWATAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM SEHINGGA 31 DISEMBER 2013

BIL	KUMPULAN PERKHIDMATAN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN	PERATUS KEKOSONGAN
1	PENGURUSAN TERTINGGI	43	36	7	16
2	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	873	740	133	15
3	SOKONGAN	1,808	1,825	-17	-1
JUMLAH KESELURUHAN		2,724	2,685	123	5

TRANSFORMASI STRUKTUR ORGANISASI JPA

JPA telah melaksanakan kajian transformasi struktur organisasi di mana sebanyak 2,724 perjawatan telah diluluskan yang berkuat kuasa pada 1 Disember 2013. Transformasi struktur JPA ini melibatkan pengejatan sebanyak 527 perjawatan JPA daripada jumlah perjawatan pada tahun 2012 iaitu sebanyak 3,251.

Kajian transformasi struktur organisasi JPA dilaksanakan bertujuan untuk menjadikan JPA sebuah organisasi yang dinamik, kejut, tangkas dan berkeupayaan tinggi selaras dengan matlamat Teras Strategik Kedua di bawah Kerangka Kerja Transformasi JPA iaitu meningkatkan keupayaan dan memberi nafas baharu kepada organisasi.

TRANSFORMATION OF ORGANIZATIONAL STRUCTURE JPA

As part of the Strategic Thrust of the JPA Transformation Framework to enhance capabilities and to revitalise the organization, the JPA initiated structural reforms in which 2,724 posts were approved with effect from 1st December 2013. The reforms sought to ensure that the JPA would be transformed into a stronger, more dynamic, open, agile and highly capable organisation. Through these structural reforms, there was a reduction of 527 posts from a total of 3,251 in 2012.

PRESTASI KEWANGAN

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS

Peruntukan asal yang diluluskan di bawah Perbelanjaan Mengurus bagi Tahun 2013 adalah sebanyak RM2,081,973,000. Peruntukan tambahan sebanyak RM353,800,000 diperoleh pada penghujung tahun bagi membiayai perkhidmatan dan bekalan serta pemberian dan kenaikan bayaran tetap. Keseluruhan prestasi Perbelanjaan Mengurus JPA sehingga 31 Disember 2013 adalah berjumlah RM2,435,773,000 atau 100% daripada keseluruhan peruntukan.

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Pada keseluruhannya, JPA telah diperuntukkan sebanyak RM43,477,000 untuk projek-projek pembangunan, iaitu RM32,935,000 untuk INTAN dan RM10,542,000 untuk pembangunan Sistem Komputer Induk JPA. Prestasi Perbelanjaan Pembangunan JPA sehingga 31 Disember 2013 (AKB 19 Januari 2014) adalah berjumlah RM39,966,995.80 atau 91.93% daripada keseluruhan peruntukan.

PELAKSANAAN PROGRAM KUALITI DAN INOVASI JPA TAHUN 2013

Pelaksanaan Program Kualiti dan Inovasi JPA Tahun 2013 adalah sebagai langkah untuk merangsang persekitaran dan membentuk ekosistem yang menggalakkan inovasi di kalangan warga JPA amnya dan warga Perkhidmatan Awam khususnya. Sebagai usaha ke arah meraih inovasi dan kreativiti, beberapa program telah dirancang dan dilaksanakan, antaranya ialah:

Sebagai usaha menggalakkan perkongsian inovasi, dua sesi Bicara Inovasi (i-Talk) telah diadakan pada tahun 2013 iaitu:

- (i) **Bicara Inovasi Siri 1/2013** bersama **Prof. Madya Dato' Dr. Abu Bakar bin Md. Diah** diadakan pada **5 Mac 2013** bertempat di Dewan Mezzanine, Aras 2, Blok C1, JPA yang dihadiri seramai **92 orang peserta** dari semua Bahagian di JPA. Sesi selama tiga (3) jam ini sangat berinformatif kerana beliau berkongsi pengalaman sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Bahagian Penyelidikan, Kreatif, Inovasi dan Pengkomersialan di Jabatan Ketua Menteri Melaka.

FINANCIAL PERFORMANCE

OPERATING ALLOCATION AND EXPENDITURE

A sum of RM2,081,973,000 was allocated for the JPA under the 2013 Operating Expenditure (OE). An additional amount of RM353,800,000 was received at the end of the year to finance services and supplies as well as grants and fixed payments charged. Total OE for the JPA until 31 December 2013 was RM2,435,773,000 or 100% of the total allocation.

DEVELOPMENT ALLOCATION AND EXPENDITURE

The approved allocation received by the JPA for development projects was RM43,477,000, of which RM32,935,000 was allocated for INTAN and RM10,542,000 for the development of the JPA's Main Computer System. Total Development Expenditure for JPA until 31 December 2013 (under the Payable Account dated 19 January 2014) was RM39,966,995.80 or 91.93% of the total allocation.

IMPLEMENTATION OF JPA INNOVATION AND QUALITY PROGRAMME 2013

The Implementation of JPA Innovation and Quality Programme 2013 was a way to stimulate the environment and encourage the development of an innovation ecosystem among JPA staff in general and the civil service in particular. In an effort to achieve innovation, the following programmes were planned and implemented:

In an effort to elevate innovation, two I-Talk sessions were planned for 2013 as follows:

- (i) **(Bicara Inovasi) Innovation Talk Series 1/2013** with **Prof. Dato' Dr. Abu Bakar bin Md. Diah** on **5 March 2013** at the Mezzanine Hall, Level 2, Block C1, JPA attended by **92 participants** from all divisions in the JPA. The 3-hour session was very informative as he shared his experiences as the Chief Executive Officer, Division of Research, Creative, Innovation and Commercialization in the Malacca Chief Minister's Department.



(ii) **Bicara Inovasi Siri 2/2013** telah diadakan pada **19 November 2013** bertempat di Dewan Mezzanine, Aras 2, Blok C1, JPA. Seramai **44 orang peserta** yang hadir begitu teruja mendengar ceramah inovasi yang telah disampaikan oleh **Encik Ahmad Naim bin Jaafar**, Consultan dari Innovation (M) Sdn. Bhd.

(iii) ***(Bicara Inovasi) Innovation Talk Series 2/2013** was held on **19 November 2013** at the Mezzanine Hall, Level 2, Block C1, JPA. A total of **44 participants** benefitted from the presentation on innovation by **Mr. Ahmad Naim bin Jaafar**, Consultan Innovation (M) Sdn. Limited.*



Bersama
Encik Ahmad Naim bin Jaafar

19 Nov 2013 (Selasa)
9.00 pagi hingga 12 tengah hari
Dewan Mezzanine, Blok C1, JPA


Anjuran
Sektor Pengurusan Inovasi,
Bahagian Khidmat Pengurusan





Program Inspirasi Inovasi dan Saya Kreatif sebagai tatapan umum warga JPA juga dilaksanakan melalui hebahan email kepada semua warga JPA. Ini adalah sebahagian program inovasi dalam memberi pendedahan kepada warga JPA mengenai pelaksanaan inovasi tempatan dan luar negara. Informansi Inovasi ini dilaksanakan sebanyak **sepuluh (10) kali setahun** yang mengambil kira inspirasi inovasi berkumpulan dan individu.

*In delivering information on local or international innovations, the JPA constantly disseminated "Program Inspirasi dan Saya Kreatif" emails to JPA officers. This is a program for exposing JPA staff to the implementation of local and foreign innovation practices. Information Innovation are conducted **10 times a year** to accommodate individual and group innovation inspirations.*



KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) JPA 2013

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) JPA telah diadakan pada **8 Oktober 2013** bertempat di Dewan Mezzanine, Aras 2 Blok C1 JPA. Sebanyak **tujuh (7) kumpulan** telah menyertai konvensyen tersebut.

INNOVATIVE AND CREATIVE CIRCLE (ICC) 2013

The JPA Innovative and Creative Circle (ICC) was held on **8 October 2013** at the Mezzanine Hall, Level 2 Block C1 JPA. **Seven groups** participated.



Anugerah Inovator JPA telah diperkenalkan sebagai satu bentuk pengiktirafan dan penghargaan tertinggi yang diberikan oleh JPA kepada warga yang mampu menggunakan kreativiti yang ada untuk mencipta inovasi baru. Anugerah Inovator ini dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu **Anugerah Inovator (ICT)** dan **Anugerah Inovator (Bukan ICT)**. Pertandingan Anugerah Inovator JPA telah berjaya dilaksanakan pada **27 Ogos 2013** bertempat di Dewan Mezzanine, Aras 2 Blok C1, JPA.

***JPA Innovator Award** was introduced as to show recognition and appreciation of JPA staff who applied their creativity to foster innovations. The award is divided into 2 categories: **Innovator Award (ICT)** and **Innovator Award (Non-ICT)**. The JPA Innovator Award competition was held successfully on **27 August 2013** at the mezzanine Hall, Level 2 Block C1, JPA.*



Anugerah INOVATOR JPA TAHUN 2013

26 dan 27 OGOS 2013

Dua (2) kategori dipertandingkan

<p>Anugerah Inovator ICT</p> <p>Inovasi yang dihasilkan adalah menggunakan ICT dan elemen yang terlibat mestilah merangkumi aplikasi, kandungan tempatan dan</p>	<p>Anugerah Inovator Bukan ICT</p> <p>Inovasi yang dihasilkan mungkin dalam bentuk produk atau sistem yang tidak menggunakan ICT. Ia ada elemen aplikasi, kandungan tempatan dan</p>
---	---

Penyertaan terbuka kepada semua warga JPA secara berkumpulan (dua atau lebih)

Tarikh tutup permohonan **31 JULAI 2013**

<p>TEMPAT PERTAMA</p> <p>RM 3,000.00</p>	<p>TEMPAT KEDUA</p> <p>RM 2,000.00</p>	<p>TEMPAT KETIGA</p> <p>RM 1,000.00</p>
--	--	---

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:
 Sektor Pengurusan Inovasi
 Tel: 03 - 8885 3132
 e.kho@jpa.gov.my

Anugerah INOVATOR JPA TAHUN 2013

<p>Pemenang Kategori ICT</p> <p>Tempat Pertama Malaysian Student Engagement Online Feed (mySELF) Bahagian Pembangunan Modal Insan</p> <p>Tempat Kedua E-Mesra Pelanggan Bahagian Perkhidmatan</p> <p>Tempat Ketiga Ideas Streaming Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Dasar</p>	<p>Pemenang Kategori Bukan ICT</p> <p>Tempat Pertama Student Assessment Centre (SAC) Bahagian Pembangunan Modal Insan</p> <p>Tempat Kedua Kunci Ekspres Reanova Kluster Pengajian Pembangunan Pengurusan dan Inovasi, INTAN</p> <p>Tempat Ketiga Makmal Kreatif (MaRea) Kluster Pengajian Pembangunan Pengurusan dan Inovasi, INTAN</p>
---	---

TAHNIAH KEPADA PEMENANG!

Sektor Pengurusan Inovasi
 Bahagian Khidmat Pengurusan
 Jabatan Perkhidmatan Awam

ANUGERAH PERSEKITARAN BERKUALITI (QE/5S) JPA TAHUN 2013

QUALITY ENVIRONMENT AWARD (QE/5S) 2013

Anugerah Persekitaran Berkualiti (QE/5S) JPA telah diadakan pada **17 dan 18 Jun 2013** bertempat di Bilik Mesyuarat Aras 9 Blok C1 Kompleks C. Sebanyak 10 Bahagian telah menyertai anugerah ini di mana telah diadili dan dinilai seramai tiga (3) orang panel dari Jabatan luar JPA.

The JPA Quality Environment Award (QE/5S) ceremony was held on 17 and 18 June 2013 at the Meeting Room Level 9 Block C1 Complex C. A total of 10 Divisions participated in the award event which was assessed and judged by a 3-member external panel.



ANUGERAH KEGEMILANGAN JPA TAHUN 2013

Anugerah Kegemilangan JPA telah diadakan pada **27 dan 28 November 2013** bertempat di Bilik Mesyuarat Aras 9 Blok C1 Kompleks C. Sebanyak 10 Bahagian telah menyertai anugerah ini di mana seramai tiga (3) orang panel dari Jabatan luar JPA telah mengadili pertandingan ini.



ANUGERAH IDEA INOVASI JPA TAHUN 2013

Bagi tahun 2013, sebanyak **222 idea inovasi** telah diterima melalui pohon inovasi yang telah diletakkan secara strategik di JPA dan juga yang diterima melalui emel terus kepada pihak urusetia. Sepuluh (10) idea terbaik dipilih oleh pihak pengurusan tertinggi JPA sebagai pemenang Anugerah Idea Inovasi JPA 2013.

EXCELLENCE AWARD FOR YEAR 2013

The JPA Excellence Awards were held on 27 and 28 November 2013 at the Meeting Room Level 9 Block C1 Complex C. A total of 10 Division participated and the competition was assessed by a 3-member independent panel.



IDEAS INNOVATION AWARD 2013

For 2013, a total of 222 innovative ideas were received through the innovation boxes placed strategically in various areas in the JPA and via emails to the secretariat. Ten best ideas were selected by JPA top management for the award.

KEMPEN "IWARGA, IDEA" MASIH DITERUSKAN!!!

Anda mempunyai **IDEA** yang Kreatif dan Inovatif?

Tulis cadangan inovasi anda di "Daun Inovasi" yang disediakan.

Lekakkan daun cadangan inovasi anda di **Pohon Inovasi JPA** yang telah disediakan di lokasi berikut:

- * Lobi C1 dan C2 JPA Putrajaya, * Lobi JPA Cyberjaya
- * CPK (BK) JPA Seri Wilayah * INTAN Bukit Kiara

Atau emelkan terus cadangan dan idea kreatif anda kepada a.bkp@jpa.gov.my

Cadangan Inovasi anda akan dikemukakan kepada Pihak Pengurusan JPA untuk pertimbangan, peribksanaan dan dianugerahkan sebagai:

"ANUGERAH IDEA INOVASI JPA" dan berpeluang untuk memenangi hadiah seperti berikut:

Johan : RM 1,000.00
 Naib Johan : RM 750.00
 Tempat Ketiga : RM 500.00

Sebagai ruang memenuhi masa lapang waktu tengah hari dari jam 1.00 tengah hari sehingga 2.00 petang, satu program inovasi turut dilaksanakan yang dinamakan **Laman Inovasi JPA** iaitu lebih kepada inovasi santai yang perlu kepada strategi oleh warga JPA yang menyertainya.

As a productive lunch hour activity, the "Laman Inovasi JPA" programme was carried out from 1.00 to 2.00 pm with the aim of promoting a relaxed atmosphere for generating innovative ideas.



Bagi terus menyemarakkan inovasi JPA, Lawatan Inovasi JPA ke **MITI dan Majlis Perbandaran Kuantan, Pahang** telah diadakan pada **17 April dan 21 November 2013**. Lawatan Inovasi ini memberi peluang kepada peserta lawatan untuk melihat dengan lebih dekat pelaksanaan inovasi di MITI dan Majlis Perbandaran Kuantan.

In fostering innovation at JPA, visits were made to MITI and the Kuantan City Council, Pahang on April 17 and November 21 2013. The main objective of the visit was to take a closer look at the work environment and how these agencies have succeeded in managing their clients.



Hari Inovasi JPM telah diadakan pada **1 Oktober 2013** bertempat di **Hotel Marriot Putrajaya**. Di antara pengisian Hari Inovasi tersebut adalah pameran daripada Jabatan/Agensi yang telah menyertai Anugerah Inovasi JPM dan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif JPM. JPA telah diumumkan sebagai pemenang Anugerah Perdana iaitu Anugerah Keseluruhan Inovasi JPM 2013.

JPM Innovation Day was held on **1 October 2013** at **Putrajaya Marriot Hotel**. Among the activities showcased was the exhibition by various departments / agencies that have participated in the PMO and Innovation Award Innovative and Creative JPM programmes. The JPA was presented the Premier Award which is the Overall Innovation Award JPM 2013.



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2012

Seramai dua ratus empat puluh lima (245) orang pegawai JPA telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang berdasarkan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) 2012. Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2012 telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 28 Februari 2013 (Khamis) yang disempurnakan oleh YBhg. Datuk Farida binti Mohd Ali, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia.

EXCELLENT SERVICE AWARD 2012

Two hundred and forty five (245) JPA officers were given the Excellence Service Award based on their outstanding performance on the Annual Appraisal Performance Report 2012. The event was officiated by the Deputy Director General of Public Service, YBhg. Datuk Farida binti Mohd Ali at PICC on the 28th February 2013.



ANUGERAH KHAS JPA 2012

Pada Majlis yang sama seramai tiga (3) pegawai JPA telah menerima Anugerah Khas JPA 2012 bagi kategori Anugerah Olahragawan, Anugerah Olahragawati dan Anugerah Aktif Sosial.

JPA SPECIAL AWARD 2012

During the event, three officers from the JPA were given JPA Special Awards 2012 for their outstanding performance in social and sports activities.



PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG 2012

Manakala, tiga (3) orang pegawai JPA telah dianugerahkan Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C.) di atas sumbangan cemerlang di luar tugas rasmi yang disempurnakan oleh YB Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

EXCELLENT SERVICE MEDAL 2012

In addition, three JPA officers were awarded Medals for Excellence Service based on their outstanding performance and excellent contributions outside the office in a ceremony that was officiated by YB Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri, Minister in the Prime Minister's Department.



56

**Pengukuhan Dan Pemantapan
Struktur Organisasi Sektor Awam**

*Strengthening The Functions And Role Of
Public Sector Organisations*

58

Pencapaian 2013

2013 Achievements

61

Skim Perkhidmatan

Schemes Of Service



**PENGUKUHAN DAN
PEMANTAPAN STRUKTUR
ORGANISASI SEKTOR AWAM**

*Strengthening The Functions and
Role of Public Sector Organisations*

PENGUKUHAN DAN PEMANTAPAN STRUKTUR ORGANISASI SEKTOR AWAM


STRENGTHENING THE FUNCTIONS AND ROLE OF PUBLIC SECTOR ORGANISATIONS

BPO bertanggungjawab ke atas urusan perjawatan dan skim perkhidmatan bagi keseluruhan Perkhidmatan Awam Malaysia merangkumi lima (5) jenis agensi melibatkan 734 agensi dan 1,687,373 perjawatan seperti pecahan berikut:


The BPO is responsible for all matters relating to the establishment and schemes of service for the entire civil service which include 5 agency-types involving 734 agencies and 1,687,373 posts as shown below:

Jenis Agensi <i>Types of Agencies</i>	Bil. Agensi <i>No. of Agencies</i>	Bil. Perjawatan <i>No. of Posts</i>
Perkhidmatan Awam Persekutuan (PAP) <i>Federal Civil Service (PAP)</i>	147	1,341,410
Badan Berkanun Persekutuan (BBP) <i>Federal Statutory Bodies (BBP)</i>	92	156,220
Perkhidmatan Awam Negeri (PAN) <i>State Civil Service (PAN)</i>	247	111,182
Badan Berkanun Negeri (BBN) <i>State Statutory Bodies (BBN)</i>	103	19,288
Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) <i>Local Authorities (PBT)</i>	145	59,273
Jumlah <i>Total</i>	734	1,687,373

Jadual 1: Bilangan Agensi dan Bilangan Perjawatan Mengikut Jenis Agensi
Table 1: Number of Agencies and Establishment According to Type of Agencies



Rajah 1: Peratusan Bilangan Agensi Sektor Awam Seluruh Malaysia
Figure 1: Percentage of Malaysian Civil Service Agencies Nationwide




Rajah 2: Peratusan Bilangan Perjawatan Sektor Awam Seluruh Malaysia
Figure 2: Percentage of Malaysian Civil Service Posts Nationwide

Fungsi teras BPO:

- (a) menggubal dan memberi khidmat nasihat berkenaan dasar perjawatan dan perskiman;
- (b) memberi khidmat rundingan kepada agensi sektor awam merangkumi aspek penyusunan semula, pengukuhan organisasi dan perskiman;
- (c) mengurus maklumat perjawatan dan skim perkhidmatan; dan
- (d) menjalankan auditan perjawatan dan skim perkhidmatan.

The core functions of BPO are to:

- (a) enact policies on posts and schemes of service;
- (b) provide consulting services to public sector agencies which include aspects of restructuring, organisational strengthening and schemes of service;
- (c) managing information on establishment and schemes of service; and
- (d) conducting audits on establishment and schemes of service.



Rajah 3: Struktur Matriks Baharu BPO
Figure 3: The New Matrix Structure of BPO

Mulai 1 Julai 2013, selari dengan pelaksanaan Transformasi JPA, BPO telah mengalami perubahan struktur organisasi seperti berikut:

- (a) pengurangan sebanyak 55 jawatan (27%) daripada 205 kepada 150 jawatan;
- (b) penjimatan kos emolument sebanyak RM1.9 juta setahun;
- (c) pengurangan lapisan hierarki daripada lima (5) kepada tiga (3) lapisan sahaja; dan
- (d) pengenalan kepada struktur organisasi yang mendatar (flat) secara matriks.

Melalui struktur baharu ini, pembahagian tugas adalah mengikut pasukan perunding yang bergantung kepada skala projek (besar, sederhana dan kecil) dan tidak lagi berdasarkan sektoral.

From 1 July 2013, in parallel with the implementation of JPA's Transformation, BPO has undergone organisational structure changes as follows:

- (a) *reduction of 55 posts (27%) from a total of 205 to 150 posts;*
- (b) *savings in annual emolument costs amounting to RM1.9 million;*
- (c) *reduction of hierarchical levels from 5 to 3; and*
- (d) *introduction of a flat and matrix organisational structure.*

Through this new structure, work is no longer delegated based on sectors but are assigned to teams of consultants based on project size (large, medium and small).

PENCAPAIAN 2013

PERJAWATAN

Pada tahun 2013, bagi memantapkan organisasi kerajaan ke arah meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam, BPO telah meneruskan usaha untuk mengukuhkan struktur organisasi melalui **kaedah tukar ganti (trade-off), alih daya (redeployment) dan pendekatan Strategi Lautan Biru (NBOS)**.

Di antara pencapaian penting kajian perjawatan bagi tahun 2013 adalah seperti berikut:

A. Sektor pendidikan:

Penggabungan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang dijenamakan semula sebagai Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) selepas Pilihanraya Umum Malaysia ke-13 dengan tujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara.

B. Sektor kesihatan:

1. Pewujudan sejumlah 18,387 perjawatan pelbagai skim perkhidmatan untuk ditempatkan di semua fasiliti kesihatan baru, naik taraf dan sedia ada termasuk Klinik 1Malaysia seluruh negara.
2. Pewujudan tambahan 2,400 jawatan Jururawat yang ditempatkan di pelbagai fasiliti kesihatan seluruh negara bagi mengurangkan beban tugas yang dipikul oleh Jururawat sedia ada.

C. Sektor keselamatan dan pintu masuk negara:

1. Penubuhan Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) yang merangkumi 199 jawatan bagi mengawal selia zon keselamatan Pantai Timur Sabah (ESSZONE) berikutan insiden pencerobohan di Lahad Datu, Sabah.
2. Pewujudan sejumlah 937 perjawatan pelbagai skim perkhidmatan dan gred untuk terminal Kuala Lumpur International Airport 2 (KLIA2) bagi mengukuhkan kawalan pintu masuk negara.
3. Pemantapan Jabatan Imegresen Malaysia yang melibatkan sejumlah 375 perjawatan penguatkuasa bagi meningkatkan kecekapan pegawai dalam usaha memastikan kawalan pintu masuk dapat dilaksanakan dengan lebih efisien.

2013 ACHIEVEMENTS

ESTABLISHMENT

In 2013, the BPO continued its efforts to strengthen government organizations through various approaches including trade-offs, redeployments and using the National Blue Ocean Strategy (NBOS) towards improving public service delivery efficiency

Among BPO's significant achievements in establishment studies during the year are:

A. Education sector:

Merging Ministry of Education and Ministry of Higher Education into one single Ministry of Education following the 13th General Election with the aim of raising the quality of the national education system.

B. Health sector:

1. *Creating 18,387 posts of various schemes of services for all new, upgraded and existing health facilities including 1Malaysia Clinics nationwide.*
2. *Creating an additional 2,400 posts of nurses for health facilities across Malaysia to lessen the workload of existing nurses.*

C. Security Sector and Country Entry Points:

1. *Establishing the Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) involving 195 posts to regulate the security zone at East Sabah (ESSZONE) following the intrusion incident in Lahad Datu, Sabah.*
2. *Creating 937 posts of various schemes of service and grades for the new Kuala Lumpur International Airport 2 (KLIA2) terminal to strengthen security controls at the nation's entry points.*
3. *Strengthening the Immigration Department of Malaysia with the creation of 375 posts of enforcers to increase efficiency and safeguarding of the country entry points.*

D. Pengukuhan integriti sektor awam:

1. Penubuhan Urban Transformation Centre (UTC) dan Rural Transformation Centre (RTC) yang memusatkan pelbagai perkhidmatan untuk orang awam bertujuan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.
2. Penubuhan unit integriti di semua kementerian bagi mempertingkatkan integriti penjawat awam.
3. Pengukuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melalui pewujudan sejumlah 150 perjawatan penguatkuasaan.

E. Penstrukturan / penyusunan semula agensi:

1. Penyusunan semula Kementerian Kewangan.
2. Penyusunan semula Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).
3. Penyusunan semula Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).
4. Penyusunan semula Institut Sukan Negara dan Perbadanan Stadium Malaysia di Kementerian Belia dan Sukan.

D. Strengthening public sector integrity :

1. *Establishing the Urban Transformation Centre (UTC) and Rural Transformation Centre (RTC) in Perak, Melaka and Federal Territory of Kuala Lumpur which centralised various services with the aim of improving government service delivery systems.*
2. *Establishing integrity units in all ministries to further increase the integrity of public service officers.*
3. *Strengthening the Malaysian Anti Corruption Commission (MACC) through the creation of 150 posts of enforcers.*

E. Restructuring / Reorganizing agencies:

1. *Reorganization of the Ministry of Finance.*
2. *Reorganization of the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU).*
3. *Reorganization of the Land Public Transport Commission (SPAD).*
4. *Reorganization of the National Sports Institute and Malaysia Stadium Corporation under the Ministry of Youth and Sports.*




5. Penstrukturan semula Jabatan Kebajikan Masyarakat di Kementerian Wanita dan Pembangunan Masyarakat.

5. *Restructuring of the Department of Social Welfare under the Ministry of Women, Family and Community Development.*

TREN PEWUJUDAN PERJAWATAN / PERJAWATAN DILULUSKAN PADA TAHUN 2013

Secara keseluruhan, pada tahun 2013 BPO telah memperakukan pewujudan sebanyak 38,396 jawatan baharu dan pemansuhan sebanyak 26,149 jawatan sedia ada. Tren pewujudan dan pemansuhan jawatan mulai tahun 2005 hingga tahun 2013 ditunjukkan seperti di Rajah 1 dan Jadual 1 berikut:



Graf 1: Tren pewujudan dan pemansuhan jawatan dari tahun 2005 - 2013

Graph 1: *The Trend of Creation and Abolishment of Posts from the Year 2005 – 2013*

TREND OF ESTABLISHMENT / APPROVED POSTS

*In 2013, the BPO recommended the creation of a total of 38,396 new posts and abolishment of 26,149 existing posts. The trend of both creation and abolishment of posts from the year 2005 to 2013 is shown in **Diagram 1** and **Table 1** as follow:*

Tahun Year	Jumlah Perjawatan Total of Posts		Jumlah Bersih Net Total
	Wujud Create	Mansuh Abolish	
2005	46,862	5,702	41,160
2006	70,156	35,610	34,546
2007	159,890	19,953	139,937
2008	90,752	19,044	71,708
2009	30,520	15,404	15,116
2010	46,279	46,550	- 271
2011	46,706	53,781	-7,075
2012	33,584	33,584	0
2013	64,545	26,149	38,396

Jadual 1: Bilangan pewujudan dan pemansuhan Jawatan dari tahun 2005 – 2013

Table 1: *The Numbers of Creation and Abolishment of Posts from the Year 2005 - 2013*

SESI DIALOG KPPA DENGAN GURU

BPO dengan kerjasama KPM dan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka telah mengadakan Majlis Dialog di antara YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) dengan 2,000 guru di Melaka pada 31 Oktober 2013. Sesi dialog ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada guru dan pegawai Kumpulan Pelaksana yang terlibat dalam projek rintis Pemantapan Profesion Guru di Melaka.

A DIALOGUE SESSION BETWEEN THE DIRECTOR GENERAL OF PUBLIC SERVICE AND TEACHERS

On 31st October 2013, the BPO, Ministry of Education Malaysia and Melaka State Government organized a dialogue session between YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Director General of Public Service and 2,000 teachers with the aim of gathering feedbacks from teachers and Support Group involved in the Strengthening the Teaching Profession pilot project in Melaka.

PENAMBAHBAIKAN DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Melalui pengenalan struktur organisasi flatter dan matriks di BPO, penambahbaikan terhadap proses kerja telah dilaksanakan seperti berikut:

IMPROVEMENTS IN SERVICE DELIVERY

Through the introduction of a flatter and matrix organizational structure in BPO, the following improvements in existing work processes have been implemented:

PROSES KERJA <i>Work Process</i>	SEBELUM TRANSFORMASI <i>Before Transformation</i>	SELEPAS TRANSFORMASI <i>After Transformation</i>
1. Proses Perundingan <i>1. Negotiation process</i>	Tiada <i>None</i>	Pasukan perunding BPO turun ke agensi <i>Outreach by BPO's consulting team to agencies</i>
2. Kertas Pertimbangan <i>2. Deliberation paper</i>	Disediakan oleh pegawai BPO <i>Prepared by BPO officers</i>	Disediakan oleh agensi <i>Prepared by agencies</i>
3. Pembentangan kertas untuk Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Pembangunan Organisasi (JKKPO) <i>3. Presentation of Paper to the Organisation Development Sub-Committee Meeting (JKKPO)</i>	Dibentang oleh pegawai BPO <i>Presented by BPO officers</i>	Dibentang oleh Ketua Setiausaha/Jabatan <i>Presented by Secretary General of a Ministry/ Department Heads</i>

Selain itu, bagi mempercepatkan proses dalam membuat pertimbangan kepada permohonan yang dikemukakan oleh agensi, Pengarah BPO telah diberi kuasa oleh Pengurusan JPA melalui Mesyuarat JKKPO untuk meluluskan permohonan mana-mana agensi yang melibatkan perjawatan Gred 41 hingga 54 dengan implikasi kewangan tidak melebihi RM100,000 setahun.

Apart from that, to expedite the process of deliberation on applications submitted by the respective agencies, the Director of the BPO has been authorized by JPA's Top Management to approve applications of establishment of Grade 41 to 54 with financial implication not exceeding RM100, 000 per year.

SKIM PERKHIDMATAN

A. Penambahbaikan 81 Skim Perkhidmatan

Pada tahun 2013, fokus BPO ialah kajian ke atas 81 skim perkhidmatan bertujuan menarik dan mengekal modal insan terbaik dalam perkhidmatan awam, memantapkan fungsi perkhidmatan, menambah baik laluan kerjaya serta mobiliti pegawai awam. Penambahbaikan ini melibatkan 613,743 penyandang dan peruntukan tambahan sebanyak RM31 juta setahun. 29 pekeliling perkhidmatan dan dua (2) surat pelaksanaan telah dikeluarkan bagi memaklumkan dan melaksanakan keputusan kerajaan ini dengan 28 sesi taklimat telah diadakan kepada Ketua Setiausaha Kementerian/Setiausaha Kerajaan Negeri/Ketua Perkhidmatan/Ketua Jabatan, pengurus sumber manusia Kementerian/agensi serta CUEPACS.

SCHEMES OF SERVICE

A. Study of 81 Schemes of Service

In 2013, BPO's focused on 81 schemes of service aimed at attracting and retaining human capital within the public service, stabilizing their service functions, and improving the career development and mobility of public servants. These improvements involved 613,743 incumbents and an additional annual allocation of RM31 million. A total of 29 service circulars and 2 implementation letters were issued to advise and execute the government decision with 28 briefing sessions held with the Secretaries-General of the ministries/ State Secretariat Offices/Head of Service/Head of Department, human resource managers of the ministries/agencies and CUEPACS.

B. Penyelidikan dan Pembangunan Skim Perkhidmatan

1. Kelayakan Minimum Bagi Pelantikan Ke Perkhidmatan Awam

Seiring dengan kemajuan dalam sistem pendidikan negara dan perubahan demografi guna tenaga dalam ekonomi, kerajaan telah bersetuju supaya syarat lantikan minimum ke perkhidmatan awam ditingkatkan kepada **Penilaian Menengah Rendah (PMR)**. Perubahan dasar ini memberikan impak kenaikan taraf 16 skim perkhidmatan daripada Darjah 6 kepada PMR. Peningkatan ini akan mengurangkan hierarki dalam perkhidmatan awam, mengekalkan modal insan berpengetahuan dan berpengalaman, menambah baik peluang kemajuan kerjaya dan meningkatkan saraan pegawai.

2. Perubahan Terma Dan Syarat Had Umur Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Terma Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) dipinda kepada Peningkatan Secara Lantikan (PSL) yang merujuk kepada urusan pelantikan pegawai daripada skim perkhidmatan yang rendah kepada skim perkhidmatan yang lebih tinggi secara pelantikan baharu. Selaras dengan peningkatan umur persaraan paksa, had umur pelantikan secara PSL ditetapkan tidak kurang daripada dua (2) tahun sebelum tarikh persaraan paksa pegawai.

C. Pengurusan Perskiman

1. Penggubalan Skim Perkhidmatan

Skim perkhidmatan Pensyarah Farmasi Gred DUF45, DUF51/52, DUF53/54, Gred Khas, Gred Turus diwujudkan secara berasingan daripada skim perkhidmatan Pensyarah Universiti bagi memberi identiti tersendiri kepada perkhidmatan tersebut serta mengambil kira bidang farmasi sebagai perkhidmatan kritikal selain dapat meningkatkan imej dan motivasi pegawai.

2. Pindaan Skim Perkhidmatan

73 skim perkhidmatan telah dipinda yang melibatkan kenaikan taraf, penggabungan, pewujudan skim perkhidmatan bersepadu dan pindaan perbekalan skim perkhidmatan.

(a) (a) Kenaikan taraf lima (5) skim perkhidmatan daripada peringkat Darjah 6 kepada PMR iaitu Operator Loji, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis, Pembantu Kamera/Pemandu dan Penyelia Jeti.

(b) (b) Penggabungan 19 skim perkhidmatan kepada tujuh (7) skim

B. Research and Development of Schemes of Service

1. Minimum Qualification for Appointment to Public Service

*Concomitant with the success in the national education system and shift in demographic composition in the workforce and economy, the government has agreed to increase the minimum qualification for appointment to public service to successful **lower-secondary assessment (PMR)** student levels. This shift in policy impacts improvements in 16 schemes of service from Standard 6 to PMR. This improvement will reduce hierarchy in the public service, retain an experienced and knowledgeable work force, improve career development opportunities and increase officer remuneration.*

2. Revision In The Terms And Conditions On Age Limitation For Promotion By Appointment

The term for promotion by appointment (KPSL) has been amended to advancement by appointment (PSL) which refers to the process of appointing officers from lower to higher schemes of service as new appointments. Consistent with the extended age limitation on compulsory retirement, the age limitation for PSL appointments is set at no less than 2 years prior to the date of compulsory retirement.

C. Management of Schemes

1. Establishment of Schemes of Service

Pharmacy Lecturer Grades DUF 45, DUF 51/52, DUF 53/54, Special Grade, Staff Grade scheme of service were established separately from the schemes of service of university lecturers to provide the scheme its own identity considering the critical importance of the pharmaceutical services as well as to improve the image and motivation of the officers involved.

2. Amendment of Schemes of Service

A total of 73 schemes of service have been revised involving upgrades, consolidation, and establishment of integrated schemes of service and amendments to the provisions in schemes of service.

(a) *Upgrading 5 schemes of service from Standard 6 to PMR specifically Plant Operators, Drivers, Notice Servers, Camera Assistants/Drivers and Jetty Supervisors.*

(b) *Consolidating schemes of service from 19 to 7 to reduce the number of*

perkhidmatan baru bagi mengurangkan bilangan skim perkhidmatan, memantapkan perkhidmatan melalui perluasan skop fungsi perkhidmatan, menggalakkan penjawat awam menguasai kemahiran pelbagai (multi-skilling, multi-tasking) serta menambah baik kemajuan kerjaya pegawai. Contoh, penggabungan tiga (3) skim perkhidmatan iaitu Pegawai Galian, Pegawai Kimia Bumi dan Pegawai Kaji Bumi (Geofizik/Kaji Bumi) kepada satu skim perkhidmatan baru iaitu Pegawai Geosains Gred C41, C44, C48, C52, C54.

- (c) (c) Pewujudan enam (6) skim perkhidmatan bersepadu yang melibatkan pindaan ke atas sembilan (9) skim perkhidmatan sedia ada bertujuan menyediakan laluan kemajuan kerjaya yang lebih baik dan mengekalkan kemahiran pegawai. Contoh skim perkhidmatan yang disepadukan ialah Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah kepada skim perkhidmatan baru Pegawai Perkhidmatan Pendidikan.

Kajian penambahbaikan ke atas beberapa perbekalan skim perkhidmatan turut dilaksanakan merangkumi aspek berikut:

- (a) Pindaan syarat lantikan:
- (i) pindaan peringkat/bidang kelayakan berdasarkan keperluan perkhidmatan dan perkembangan semasa bidang pengajian yang ditawarkan di institusi pengajian tinggi. Contoh, Ahli Muzik, Pereka, Penolong Juruukur Bahan dan Penolong Pegawai Pertanian;
 - (ii) peruntukan syarat Indeks Jisim Badan/Body Mass Index (BMI) bagi 20 skim perkhidmatan bagi menjamin pengambilan calon yang sesuai bagi jawatan yang memerlukan syarat ukuran fizikal. Contoh, Penguasa Bomba, Penolong Penguasa Bomba, Pegawai Bomba, Pegawai Penguatkuasa dan Penolong Pegawai Penguatkuasa; dan
 - (iii) peruntukan perbekalan syarat fizikal kepada lima (5) skim perkhidmatan iaitu Pegawai Pertahanan Awam, Penolong Pegawai Pertahanan Awam, Pembantu Pertahanan Awam, Penolong Penguasa Imigresen/Penguasa Imigresen dan Pegawai Imigresen.

schemes,, stabilizing services through scheme function scope broadening, multi-skilling/tasking encouragement for public servants as well as career advancement opportunities. For example, consolidation of 3 schemes of service i.e. Mining Officers, Geochemistry Officers and Geology Officers (Geophysics/Geology) to Geosciences Officer Grades C41, C44, C48, C52, C54 scheme of service.

- (c) *Creating 6 integrated schemes of service involving amendments to 9 existing schemes intended to provide improved career advancement opportunities and to retain skilled officers. For example, Non Graduate and Graduate Education schemes of service have been integrated to Education Service scheme of service.*

Studies on the improvement of the provisions in schemes of service were also carried out involving the following:

- (a) *Amendments to the conditions of appointment:*
- (i) *Amendments to the level/area qualifications based on service requirements and developments in the field of study offered in higher education institutions, for example for the Musicians, Designers, Assistant Quantity Surveyors and Assistant Agriculture officers.;*
 - (ii) *the provision of Body Mass Index condition in 20 schemes of service to ensure recruitment of suitable candidates for positions with specific physical requirements such as for the post of Superintendents Fire Brigade, Assistant Superintendents of Fire Brigade, Fire Brigade Officers, Enforcement Officers and Assistant Enforcement Officers; and*
 - (iii) *the provision of physical condition in 5 schemes of service including Civil Defence Officers, Assistant Civil Defence Officers, Civil Defence Assistants, Assistant Superintendents of Immigration/Immigration Officers.*

- | | |
|---|---|
| <p>(b) Perubahan lapisan gred, syarat pengesahan dalam perkhidmatan, syarat kenaikan pangkat dan jumlah skim perkhidmatan bagi tujuan PSL untuk menambah baik laluan kemajuan kerjaya dan mobiliti penyandang.</p> | <p>(b) <i>Revision in grade levels, service confirmation conditions, promotion conditions and the number of schemes of service for PSL to improve career advancement and mobility.</i></p> |
| <p>(c) Peningkatan tahap kelulusan Bahasa Melayu (BM) peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kepada semua skim perkhidmatan yang terlibat dengan urusan penambahbaikan dan syarat lantikannya masih memperuntuk kelulusan di peringkat 'lulus' BM.</p> | <p>(c) <i>Increasing the requirement for Malay Language (BM) in the Malaysian Certificate of Education (SPM) to all schemes of service involved in the improvement of the provisions of schemes of service whereby the conditions of appointment only require a 'pass' in BM.</i></p> |
| <p>(d) Perubahan nama skim perkhidmatan mengikut laras bahasa yang betul seperti Pegawai Perancang Bahasa kepada Perancang Bahasa, Penolong Pegawai Perancang Bahasa kepada Penolong Perancang Bahasa dan Penolong Pegawai Perpustakaan kepada Penolong Pustakawan.</p> | <p>(d) <i>Renaming the schemes of service using appropriate nomenclature such as Language Planning Officer to Language Planner, Assistant Language Planning Officer to Assistant Language Planner and Assistant Library Officer to Assistant Librarian.</i></p> |
| <p>(e) Perubahan nama dan kod Klasifikasi Perkhidmatan Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir (R) kepada Klasifikasi Perkhidmatan Kemahiran (H) bagi memberi pengiktirafan kepada perkhidmatan di bawah klasifikasi perkhidmatan berkenaan.</p> | <p>(e) <i>Rebranding Skilled/Semi-Skilled/Unskilled (R) Service Classification to Skills (H) Service Classification to give recognition to the services under the respective service classification.</i></p> |
| <p>(f) Peruntukan perbekalan kenaikan pangkat ke Kumpulan Pengurusan Tertinggi bagi skim perkhidmatan Jururawat.</p> | <p>(f) <i>Provision for promotion to the Top Management Group for the Nursing scheme of service.</i></p> |

3. Penjumudan Skim Perkhidmatan

Sembilan (9) skim perkhidmatan telah dijumudkan mengambil kira fungsi perkhidmatan berkenaan tidak lagi diperlukan/ boleh diambil alih oleh perkhidmatan lain/ boleh diwastakan, diasingkan saraan ataupun dialih daya. Antara skim perkhidmatan yang dijumudkan ialah Juruteknik dan Pembantu Kawalan Trafik Udara.

4. Pemansuhan Skim Perkhidmatan Jumud

Bagi mewujudkan perkhidmatan awam yang kejar dengan setiap pelaburan dalam modal insan diguna sepenuhnya tanpa pembaziran, 3,650 penyandang dalam 131 skim perkhidmatan jumud ditawarkan pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan berkuat kuasa yang bersesuaian supaya pegawai boleh terus berkhidmat memberi sumbangan kepada perkhidmatan awam.

3. Abolition Of Schemes Of Service

A total of 9 schemes of service were made obsolete as they were no longer needed or can be substituted by other schemes of service, or privatized, or remuneration can be separated or even outsourced. Among these schemes were the Technicians and Air Traffic Control Assistants

4. The Abolishment Of Obsolete Schemes Of Service

To create a lean public service with optimum investment of human capital and minimum deficiency, 3,650 incumbents in 131 obsolete schemes of service were offered transfer of appointments to other effective schemes of service to allow them to continue to contribute to the public service.

66

Pembangunan Modal Insan Sektor Awam Yang Kompeten

Developing Competent Talent In Public Sector

72

Penambahbaikan Dasar Dan Pekeliling Perkhidmatan

Improvement In Service Circulars And Policies



**PEMBANGUNAN
BAKAT SEKTOR AWAM
YANG KOMPETEN**

*Developing Competent Talent in
Public Sector*

PEMBANGUNAN MODAL INSAN SEKTOR AWAM YANG KOMPETEN

JPA melalui Bahagian Perkhidmatan telah melaksanakan fungsi-fungsi tertentu dalam usaha membangunkan kecemerlangan modal insan sektor awam dan memastikan perkhidmatan awam mempunyai pegawai yang kompeten. Fungsi-fungsi tersebut termasuklah:

- penggubalan dan pelaksanaan dasar dan strategi perkhidmatan;
- pemantauan pelaksanaan dasar perkhidmatan;
- Khidmat Nasihat, Kaunseling, Runding Cara dan Bimbingan kepada Pegawai Perkhidmatan Awam;
- perancangan strategik dan pembangunan kerjaya (Pengurusan Sumber Manusia);
- perancangan dan pelaksanaan program latihan dan kursus;
- pengurusan data dan maklumat personel;
- urusan pengambilan, penempatan dan pertukaran pegawai Gunasama;
- pengurusan prestasi dan penilaian kompetensi Perkhidmatan Awam; dan
- pelaksanaan urusan tatatertib, peperiksaan dan kenaikan pangkat Perkhidmatan Awam

(a) PENGAMBILAN PEGAWAI-PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA

Sepanjang tahun 2013, seramai 2,609 orang pegawai perkhidmatan gunasama telah dilantik, iaitu 228 orang pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional, dan 2,381 pegawai Kumpulan Pelaksana. Pecahan pengambilan pegawai tersebut mengikut skim perkhidmatan adalah seperti berikut:

Selain itu, seramai 62 orang peserta program Talent Acceleration in the Public Service (TAPS) telah dilantik ke perkhidmatan awam. Program ini bertujuan mengenal pasti serta seterusnya melantik bakat terbaik ke dalam perkhidmatan.

DEVELOPING COMPETENT TALENT IN PUBLIC SECTOR

Through its Service Division the JPA has undertaken specific functions in an effort to develop public sector human capital excellence and to ensure it possesses competent officers. These functions include:

- *formulation and implementation of Public Service policies and strategies;*
- *monitoring the implementation of Public Service policies;*
- *provision of consultation, counselling and guidance services to government officers;*
- *strategic planning and career development (Human Resource Management);*
- *planning and implementation of training programmes and courses;*
- *management of personnel data and information;*
- *appointment, placement and transfer of Common User Officers;*
- *management of performance appraisal and competency of the Public Service; and*
- *administration of the Public Service disciplinary, examination and promotion matters.*

(a) RECRUITMENT OF COMMON USER SERVICE OFFICERS

In 2013, a total of 2,609 Common User Service officers were appointed comprising 228 in the Management and Professional Group and the remaining 2,381 from the Implementor/Support group. The breakdown of the officers by scheme of service is as follows:

In addition, a total of 62 participants of the Talent Acceleration in the Public Service (TAPS) programme were also absorbed into the civil service. This program is designed to identify the best talents and appoint them into service.

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	GRED	JUMLAH
1.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) <i>Administrative and Diplomatic Officer</i>	M41	156
2.	Pegawai Teknologi Maklumat (PTM) <i>Information Technology Officer</i>	F41	35
3.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (PPTM) <i>Assistant Information Technology Officer</i>	F29	155
4.	Juruteknik Komputer (JTK) <i>Computer Technician</i>	FT17	145
5.	Pegawai Latihan Vokasional (PLV) <i>Vocational Training Officer</i>	J41	11
6.	Penolong Pegawai Latihan Vokasional (PPLV) <i>Assistant Vocational Training Officer</i>	J29	16
7.	Pembantu Pegawai Latihan Vokasional (Pem. PPLV) <i>Vocational Training Assistant</i>	J17	84
INTAN melalui Pusat Ekonomi Sektor Awam dengan kerjasama Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah menganjurkan Seminar bertajuk "Competition Law and Policy For Public Officials" yang dikendalikan oleh Profesor Richard Which, Profesor Undang-undang dari King's College, London, United Kingdom pada 22 April 2013. Di samping itu, satu sesi dialog antara Profesor Richard Which bersama peserta-peserta seminar juga telah diadakan.

INTAN's Collaboration through its Centre of Economics Public Sector with the Malaysian Competition Commission (MyCC) on a seminar on "Competition Law and Policy For Public Officials" that featured Professor Richard Which, Professor of Law at King's College, London, United Kingdom was held on 22 April. The seminar also included a dialogue session between Professor Richard Which and the participants.



Pada 29 April 2013, INTAN telah mengadakan Majlis Pelancaran Kursus Sijil Pentauliahan Perolehan Kerajaan (SPPK). Perasmian bagi majlis tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara. Sempena majlis tersebut, satu syarahan yang bertajuk "Pengurusan Perolehan Kerajaan: Perspektif Audit" telah disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Setia Haji Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara.

On 29 April 2013, INTAN organized the launch of the Government Procurement Certification Program (SPPK). The opening ceremony was officiated by YBhg. Dato' Sri Dr. Ali Hamsa, the Chief Secretary to the government. A lecture entitled "Government Procurement Management: Audit Perspective" was presented by YBhg. Tan Sri Dato' Setia Haji Ambrin bin Buang, the Malaysian Auditor General.



Pada 27 Mei 2013 hingga 7 Jun 2013, INTAN bersama Civil Service College (CSC) Singapura telah mengadakan program 7th CSC, Singapore – INTAN Joint Programme: *Senior Executive Development Programme (SEDP)*. Program tersebut merupakan program kerjasama antarabangsa tahunan antara INTAN dan *Civil Service College (CSC)* Singapura bagi mengeratkan hubungan dua hala serta berkongsi pengetahuan dan juga pengalaman dalam urusan pentadbiran sektor awam. Program ini disertai oleh seramai 30 orang peserta yang terdiri dari pegawai-pegawai kanan kerajaan di peringkat gred 52 dan 54 atau setaraf dari kedua-dua negara.

From 27 May to 7 June 2013, INTAN and the Civil Service College (CSC) Singapore held the "7th CSC, Singapore – INTAN Joint Programme: Senior Executive Development Programme (SEDP)". The program is an annual event between INTAN and CSC to strengthen bilateral ties and to share knowledge and experiences in public sector administration. The program was attended by 30 participants comprising senior government officers from grades 52 and 54 or officers of equivalent grades from the two countries.



Majlis Perasmian Kursus Diploma Pengurusan Awam (DPA) INTAN Bil. 1/2013 telah diadakan pada 4 Jun 2013 bertempat di Dewan Serbaguna INTAN Bukit Kiara. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia. Manakala program senamrobik dan brisk walking bersama YBhg. Tan Sri KPPA pula telah diadakan sejeurus selepas majlis perasmian tersebut.

The opening ceremony of INTAN Public Administration Course (DPA) No. 1/2013 was held on 4 June 2013 at the Multipurpose Hall, INTAN Bukit Kiara. The ceremony was officiated by YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, the Director General of the Malaysian Civil Service. While the aerobics program and brisk walking was held shortly after the opening ceremony.



INTAN dengan kerjasama *Malaysian Institute of Economic Research (MIER)* INTAN dengan kerjasama *Malaysian Institute of Economic Research (MIER)* telah mengadakan program "Training Course On Applied Input-Output Analysis: *Focus On Strategic Applications*" pada 4 hingga 5 Jun 2013 bertempat di Dewan Seri Baiduri, INTAN Bukit Kiara. Program yang berlangsung selama dua (2) hari tersebut telah dihadiri oleh pegawai-pegawai INTAN dan juga jabatan/agensi kerajaan yang lain.

INTAN in collaboration with the Malaysian Institute of Economic Research (MIER) initiated a "Training Course On Applied Input-Output Analysis: Focus On Strategic Applications" on 4-5 June 2013. The two-day programme was attended by officers from INTAN and other government departments / agencies.



Pada 10 hingga 21 Jun 2013, Program Development Planning and Project Management Course for Cambodia and Lao PDR Under the Third Country Training Programme (TCTP) telah diadakan di INTAN Bukit Kiara. Program selama dua (2) minggu tersebut telah dikendalikan oleh pakar-pakar dalam bidang perancangan pembangunan dan pengurusan projek. Kandungan kursus tersebut merangkumi kuliah interaktif dan berbentuk hands-on, perbincangan dan latihan berkumpulan serta lawatan ke projek-projek yang berkaitan di seluruh Malaysia untuk mendedahkan peserta dengan pengalaman sebenar pembangunan dan pengurusan projek. Kursus ini memberi fokus khusus kepada peserta-peserta dari negara Cambodia dan Lao PDR.

On 10 to 21 June 2013, the "Planning and Program Development Project Management Course for Cambodia and Lao PDR Under the Third Country Training Programme (TCTP)" was held in INTAN Bukit Kiara. The two (2) weeks program was conducted by experts in development planning and project management. The course content includes an interactive lectures and hands-on, discussion and group exercises and also study visits to relevant projects throughout Malaysia as to expose those participants to the actual experience of development and project management. This course focus specifically on the participants from Cambodia and Lao PDR.



INTAN melalui Pusat Kecemerlangan Kepimpinan mengadakan kerjasama dengan Charles River Centre (CRC) dalam penganjuran "*Premier Business Management Program (PBMP)*" pada 12 hingga 26 Jun 2013. Seramai 40 peserta telah mengikuti program tersebut dan majlis penyampaian sijil telah disempurnakan oleh DYTM Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah.

INTAN through its Leadership Excellence Center collaborated with the Charles River Centre (CRC) in organizing the "Premier Business Management Program (PBMP)" from 12 to 26 June 2013. A total of 40 participants enrolled in the programme and the graduation ceremony was graced by DYT M Raja Dr. Nazrin Shah ibni Sultan Azlan Shah Muhibbuddin.



Pada 20 Julai 2013, INTAN telah menganjurkan Program Memartabatkan Ahli Parlimen Malaysia yang diadakan di Dewan Seri Baiduri, INTAN Bukit Kiara. Program yang berlangsung selama satu (1) hari tersebut dihadiri oleh Ahli-ahli Parlimen Malaysia dan majlis perasmian program tersebut telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

On 20 July 2013, INTAN organized the "Program Memartabatkan Ahli Parlimen Malaysia" which held at Seri Baiduri Hall, INTAN Bukit Kiara. The program day was attended by members of the Malaysian Parliament and the opening program was officiated by YB Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim, the Minister in the Prime Minister's Department.



INTAN melalui Pusat Pembangunan Eksekutif Kanan telah menganjurkan Program Wacana Pagi INTAN yang bertajuk "Sharing of Experience in Myanmar: A View from Former UN Secretary-General's Special Envoy" pada 26 Jun 2013. Ceramah telah disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Razali Ismail, Pengerusi Yayasan Salam Malaysia.

The Senior Executive Development Centre (INTAN) organized a "Program Wacana Pagi INTAN" entitled "Sharing of Experience in Myanmar: A View from Former UN Secretary-General's Special Envoy" on 26 June 2013. The talk was presented by YBhg. Tan Sri Razali Ismail, the Chairman of Yayasan Salam Malaysia.



Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Multimedia Development Corporation (MDeC), dengan kerjasama Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah menganjurkan program National Digital Conference 2013 dengan tema "Digital Transformation: Powering Malaysia Towards Realising Vision 2020" pada 2 dan 3 Julai 2013 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Majlis perasmian bagi majlis tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia.

The National Institute of Public Administration (INTAN) and Multimedia Development Corporation (MDeC) in collaboration with Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU) organized a programme called "National Digital Conference 2013" with the theme of "Digital Transformation: Powering Malaysia Towards Realising Vision 2020" at 2 and 3 July 2013 which held at the Putrajaya International Convention Centre (PICC). The opening ceremony for the event was graced by YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, the Director General of the Malaysian Civil Service.



Pada 24 September 2013, program INTAN Executive Talk (IET) yang bertajuk 'Entrepreneurial Leadership In Public Sector' yang disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Muhammad Ali Hashim, Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia (MICC) telah diadakan yang bertempat di Auditorium, INTAN Bukit Kiara. Program ini merupakan platform perkongsian maklumat dan pengetahuan mengenai kepimpinan yang berkesan di dalam pentadbiran di sektor awam Malaysia.

On 24 September 2013, the program of INTAN Executive Talk (IET), entitled "Entrepreneurial Leadership In Public Sector" presented by YBhg. Tan Sri Muhammad Ali Hashim, the President of the Islamic Chamber of Commerce Malaysia (MICC) was held at the Auditorium, INTAN Bukit Kiara. This program is a platform for sharing information and knowledge about effective leadership in the public sector administration in Malaysia.



Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah menganjurkan INTAN Economic Seminar Series bertajuk 'Trans-Pacific Partnership Agreement (TPPA) – The Progress, Issues and Challenges' pada 26 September 2013 (Khamis) yang bertempat di Auditorium, INTAN Bukit Kiara. Seminar ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr. Halim Man, Pengarah INTAN dan dihadiri oleh pegawai INTAN gred 41 dan ke atas.

The National Institute of Public Administration (INTAN) in collaboration with the Ministry of International Trade and Industry (MITI) has organized INTAN Economic Seminar Series entitled "Trans-Pacific Partnership Agreement (TPPA) – The Progress, Issues and Challenges" on 26 September 2013 at Auditorium, INTAN Bukit Kiara. The seminar was officiated by YBhg. Dato' Dr. Halim Man, the Director of INTAN and attended by INTAN's officers from grade 41 and above.



INTAN melalui Kluster Kepimpinan dan Pembangunan Eksekutif, telah menganjurkan 'Evening Colloquium for Malaysian Public Sector Leaders and Workshop On Leadership for Middle Managers' yang dikendalikan oleh Profesor Dave Ulrich dari University of Michigan, pada 1 dan 2 Oktober 2013 (Selasa dan Rabu) di Dewan Seri Baiduri, INTAN Bukit Kiara. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

Objektif program ialah untuk mendedahkan peserta kepada kompetensi kepimpinan yang terkini; menyuntik idea-idea baharu bagi memperkasa transformasi perkhidmatan awam Malaysia; membolehkan pegawai tinggi kerajaan berkongsi pengalaman dan pengetahuan untuk menjadi pemimpin strategik dan transformatif dan membolehkan pegawai pengurusan pertengahan mengaplikasikan teori-teori kepimpinan dan pengurusan terkini dalam perkhidmatan awam di Malaysia.

INTAN through its Cluster Leadership and Executive Development, hosted the "Evening Colloquium for Malaysian Public Sector Leaders and Workshop On Leadership for Middle Managers" conducted by Professor Dave Ulrich of the University of Michigan, on 1 and 2 October 2013 at Seri Baiduri Hall, INTAN Bukit Kiara. The program was officiated by YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, the Director General of the Malaysian Civil Service.

The objective of the program is to expose those participants to the current leadership competencies, inject new ideas to empower Malaysian public service transformation, allowing government officials to share experiences and knowledge to be a strategic and transformative leadership and middle management officer to apply the latest theories of leadership and management in the civil service in Malaysia.



Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telah menganjurkan program JPA4U 'Bersama Memacu Transformasi' pada 10 hingga 13 Disember 2013 bertempat di INTAN Bukit Kiara, Kuala Lumpur. Majlis pelancaran bagi 'NexGen Technology Showcase' dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam juga akan diadakan semasa program tersebut.

Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang program tersebut antaranya program 'business matching' bersama ILA, sesi wacana, pameran ICT dan juga MobileCTC@INTAN (Pusat Transformasi Komuniti Bergerak).

The National Institute of Public Administration (INTAN) organized the "JPA4U -Together Driving Transformation" which held on 10 to 13 December 2013 at INTAN Bukit Kiara. The "NexGen Technology Showcase" was launched by YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, the Director General of the Malaysian Civil Service.

Various activities were held throughout the program including business matching with the ILAs, session discourse, ICT exhibition and MobileCTC @ INTAN (Center for Community Transformation Mobile).



90

Modal Insan Pelaburan Negara

Human Capital Is Our National Investment

93

**Penilaian Dan Pengiktirafan
Kelayakan**

Evaluation And Recognition Qualification

95

Latihan Dalam Perkhidmatan

In-Service Training



MODAL INSAN PELABURAN NEGARA

*Human Capital is Our
National Investment*

MODAL INSAN PELABURAN NEGARA

Bahagian Pembangunan Modal Insan bertanggungjawab merancang, menggubal dan menyelaras dasar-dasar dan program program penajaan latihan untuk melahirkan modal insan yang cemerlang serta dinamik. Program penajaan terbahagi kepada dua iaitu :

Selain itu, Bahagian Pembangunan Modal Insan mempunyai 13 Penasihat Pendidikan Dan Latihan di seluruh dunia bagi yang ditugaskan untuk memantau dan memberikan khidmat nasihat kepada pelajar/pegawai tajaan dalam perkara berkaitan akademik dan kebajikan di negara seliaan mereka.

Di samping itu juga, bahagian ini turun terlibat di dalam program turun padang seperti Karnival Pengajian Tinggi Negara, Outreach Program, Program Pemantapan Kendiri Pelajar, Program Motivasi Pelajar dan Taklimat Basiswa. Ini bertujuan bagi menyebarkan maklumat dan mempromosikan penajaan biasiswa JPA kepada pelajar.

LATIHAN PRA-PERKHIDMATAN

Latihan Pra-Perkhidmatan merupakan sebuah program berteraskan pembangunan modal insan bagi menaja pelajar-pelajar cemerlang lepasan SPM, STPM, matrikulasi, asasi, persediaan dan pelajar sedia ada di universiti bagi melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda, sarjana dan ijazah kedoktoran untuk membangunkan modal insan terbaik bagi perkhidmatan awam.

Selain itu, sebagai usaha untuk menarik, membangun dan mengekalkan bakat terbaik, JPA mengorak langkah dengan melaksanakan program pencarian bakat dengan kerjasama Razak School Of Government (RSOG) dan Talent Corporation Malaysia Berhad (Talentcorp).

Program-program penajaan JPA di bawah Latihan Pra Perkhidmatan adalah seperti berikut:

- **Program Basiswa Nasional**

Bagi tahun 2013, Kerajaan telah menawarkan Basiswa Nasional yang merupakan satu program biasiswa istimewa JPA kepada 50 orang pelajar paling cemerlang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2012 yang telah dikenal pasti oleh Kementerian Pelajaran Malaysia untuk mengikuti pengajian ke universiti-universiti terkemuka di peringkat ijazah pertama di dalam dan luar negara.

HUMAN CAPITAL IS OUR NATIONAL INVESTMENT

The Human Capital Development Division is responsible for planning, formulating and coordinating the policies and programs for sponsorship and training programs towards producing a dynamic and outstanding human capital. The sponsorship program is divided into two categories:

In addition, the Division has 13 Education and Training Advisors around the world to monitor, oversee and advice PSD sponsored students/officers on all matters pertaining to academic and non-academic matters in their respective countries.

This division is also actively involved in Karnival Pengajian Tinggi Negara, Outreach Programs, Student's Self Enhancement Programs, Student's Motivation Programs and Scholarship Briefings. The main purpose of these programs is to disseminate information and to promote PSD scholarships to the students.

PRE-SERVICE TRAINING

The Pre-Service Training is a sponsorship program for excellent SPM, STPM, matriculation, foundation and local university students to pursue their studies at undergraduate and postgraduate levels to develop the best human capital for the public service sector.

In an effort to strengthen the country's talent pool, JPA has embarked on building a partnership with the Razak School of Government (RSOG) dan Talent Corporation Malaysia Berhad (Talentcorp).

JPA Sponsorship Programs under Pre-Service Training are as follows:

- **National Scholarship Programm**

In 2013, the Government awarded the prestigious National Scholarship Programm to the country's top 50 students who achieved the highest scores in the 2012 SPM to pursue their first degree at premier local and foreign universities.

- **Program Pelajar Cemerlang**

Bagi tahun 2013, JPA telah menambah baik terma dan syarat bagi penajaan bagi pelajar yang cemerlang di peringkat Ijazah Pertama yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi atau profesional di bawah Program Pelajar Cemerlang. Syarat penajaan yang diperkenalkan adalah dengan menetapkan hanya pelajar yang mendapat tempat di 20 universiti terkemuka dunia berdasarkan senarai yang dikeluarkan oleh Times Higher Education (THE's) dan memenuhi syarat asas yang lain sahaja yang layak dipertimbangkan untuk diberikan penajaan di bawah program ini. JPA memperuntukkan sebanyak 120 tempat bagi penajaan ke peringkat lepasan ijazah.

- **Program Khas Kejuruteraan Jepun, Korea, Perancis dan Jerman**

JPA telah menawarkan penajaan biasiswa kepada 300 pelajar cemerlang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk pengajian peringkat diploma dan ijazah pertama dalam bidang kejuruteraan di negara Jepun, Korea, Perancis dan Jerman. Seperti yang diketahui umum, negara-negara ini amat terkenal dengan daya cipta dan kepakaran dalam bidang kejuruteraan dan teknologi. Maka program penajaan ke negara-negara tersebut akan memberi peluang kepada negara dalam menyediakan modal insan yang mempunyai daya cipta dan daya saing yang tinggi dan seterusnya dan mengukuhkan industri tempatan.

- **Program Ijazah Dalam Negara (PIDN)**

Dalam usaha menyokong inisiatif Kerajaan untuk memartabatkan IPT tempatan sebagai pusat kecemerlangan dalam penyelidikan dan pembelajaran, Program Ijazah Dalam Negara (PIDN) diteruskan lagi pada tahun 2013 dengan penajaan kepada seramai 10,000 pelajar untuk mengikuti pengajian di peringkat diploma dan ijazah sarjana muda di dalam pelbagai bidang pengajian.

Penajaan adalah ditawarkan pelajar-pelajar yang berjaya mendapat tempat pengajian di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) termasuk tiga (3) Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang bertaraf Government Link Company (GLC) iaitu Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan Universiti Multimedia (MMU).

- **Excellent Students Programm**

In 2013, JPA improved the terms of sponsorship for excellent students at the undergraduate level to continue their studies at postgraduate and professional levels. Students seeking this sponsorship must show proof of acceptance at any of the top 20 universities in the world based on the list by Times Higher Education (THE's) as well as meeting other requirements set by JPA. JPA allocated 120 places at the postgraduate level.

- **Japan, Korea, France and Germany Special Programm**

JPA offered 300 scholarships to excellent Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) holders to study engineering at diploma and degree levels in Japan, Korea, France and Germany. These countries are known for their innovation and expertise in engineering and technology. Therefore, this program will benefit the nation in developing innovative and competitive human capital.

- **JPA PIDN (Program Ijazah Dalam Negara)**

JPA continues to sponsor students to pursue tertiary education at local universities in an effort to support government initiative to uphold the local universities as centers of excellence in research and education. A total of 10,000 students were given sponsorship to study at diploma and undergraduate levels in various fields of study at local institutes of higher learning.

This sponsorship was offered to students who have secured a place in Public Institutions of Higher Learning (IPTA) and 3 Private Higher Education Institutions (IPTS) of Government Linked Companies (GLCs) namely Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) and Multimedia University (MMU).

- **Program Biasiswa Politeknik**

JPA turut menyediakan penajaan kepada 300 pelajar yang berjaya mendapat tempat untuk melanjutkan pengajian ke peringkat diploma di politeknik tempatan.

- **Program Pelajar Paling Cemerlang STPM**

Mulai tahun 2013, Kerajaan telah memulakan Program Penajaan Pelajar Paling Cemerlang Lulusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) yang merupakan sebuah program penajaan khusus kepada pelajar cemerlang lulusan STPM 2012 bagi mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan di peringkat ijazah pertama.

Definisi pelajar terbaik lulusan STPM ini adalah 5% pelajar cemerlang STPM yang memperoleh Purata Gred Nilai Kumulatif (PGNK) 3.50 dan ke atas. Bagi tahun 2013, seramai 118 orang pelajar terbaik STPM 2012 yang dikenal pasti oleh Kementerian Pelajaran Malaysia telah berjaya ditawarkan biasiswa ini.

- **Program Skim Pinjaman Yuran Pengajian di Luar Negara**

JPA juga menyediakan kemudahan penajaan pinjaman yang berkonsepkan perkongsian kos kepada pelajar-pelajar persendirian yang mengikuti pengajian peringkat Ijazah Pertama di luar negara. Di bawah program ini, JPA menyediakan pinjaman untuk pembiayaan yuran pengajian tertakluk kepada kadar maksimum RM250,000 (Perubatan, Pergigian dan Farmasi) dan maksimum RM200,000 bagi kursus-kursus lain. Sehingga kini, JPA telah menawarkan pinjaman kepada 450 pelajar di bawah program ini.

- **Program Penajaan Pelajar Perubatan ke Universiti Perdana**

Tahun 2013 merupakan tahun ketiga JPA menaja pelajar untuk melanjutkan pengajian di dalam bidang perubatan di Universiti Perdana. Di bawah program penajaan ini, terdapat dua program iaitu Program Perdana University Graduate School of Medicine (PUGSOM) kolaborasi dengan Johns Hopkins University, School of Medicine, United States of America dan Perdana University – Royal College of Surgeons in Ireland (PU-RCSI) kolaborasi dengan Royal College of Surgeons in Ireland. Fokus program ini adalah menyediakan penajaan kepada pelajar-pelajar cemerlang

- **Polytechnic Scholarship Programm**

JPA also provided sponsorships to 300 students who secured a place to study diploma at local polytechnics.

- **STPM High-Achievers Students Programm**

In 2013, the government introduced the Excellent Student Programme for Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) leavers. This sponsorship programme was offered to high-achievers in the 2012 STPM to pursue their first degree at local institutions of higher learning.

High STPM achievers are referred to to the 5% outstanding STPM students who obtained a Cumulative Grade Point Average (CGPA) of 3.50 and above. In 2013, 118 students were identified by the Ministry of Education and offered this scholarship.

- **Study Loan Scheme Programm Abroad**

The JPA also provided financial assistance for students who are currently pursuing their first degrees abroad. The loans provided are on a cost-sharing basis. JPA covers the tuition fees for up to a maximum amount of RM250,000 for students who are studying Medicine, Dentistry, Pharmacy and Veterinary Science or RM200,000 for other courses. Currently, 450 students are funded under this program.

- **Medical Student Scholarship Programm to Premier Universiti**

The year 2013 represented the third year for JPA sponsorship program for students to study medicine at Perdana University. There are two programs under this sponsorship program, Perdana University Graduate School of Medicine (PUGSOM) in collaboration with Johns Hopkins University, School of Medicine, United States and the Perdana University–Royal College of Surgeons in Ireland (PU-RCSI) in collaboration with Royal College of Surgeons in Ireland. The focus of this program is to sponsor students to study medicine in Perdana University. 100 excellent students

untuk mengikuti pengajian dalam bidang perubatan di Universiti Perdana. Seramai 100 orang pelajar yang cemerlang mendapat biasiswa ini.

- **Program Pencarian Bakat**

Bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara berdasarkan Aktiviti Ekonomi Utama Nasional (NKEA) ke arah Wawasan 2020, Program Pencarian Bakat diwujudkan untuk membantu Kerajaan melahirkan sebuah generasi pelapis pemimpin yang boleh menerajui pentadbiran dan pembangunan negara di samping mewujudkan personaliti insan yang seimbang dari aspek kecerdikan minda dan juga mempunyai kelebihan, kemahiran atau keistimewaan luar biasa selain cemerlang di dalam akademik dan memiliki akhlak yang mulia. Bilangan tempat yang diperuntukkan adalah kepada 100 pelajar. Walau bagaimanapun, ia juga bergantung kepada keperluan semasa dalam membangunkan modal insan nasional.

- **Program Kerjasama JPA-Talentcorp**

Mulai tahun 2011, JPA telah mewujudkan kerjasama dengan Talentcorp Malaysia Berhad (Talentcorp) bagi membantu graduan tajaan JPA yang tidak dilantik ke perkhidmatan awam untuk berkhidmat di syarikat-syarikat Kerajaan, syarikat yang Kerajaan mempunyai kepentingan di dalamnya, syarikat swasta yang beroperasi di Malaysia atau syarikat bukan kerajaan yang terpilih. Pada tahun 2013, seramai 458 graduan telah mendapat pekerjaan melalui program kerjasama ini.

Program ini bertujuan untuk menarik dan mengekalkan lebih ramai modal insan berkemahiran tinggi yang dapat memenuhi keperluan guna tenaga sedia ada di Malaysia yang bersesuaian dalam agenda transformasi nasional ke arah menyumbang ekonomi negara mencapai status berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

have been awarded this scholarship.

- **Talent Search Programme**

In generating the growth of the country's economy based on the National Key Economic Areas (NKEA) towards the Vision 2020, Talent Search Programme is initiated to aid the Government in grooming the next generation of leaders who are capable of leading the development of the country. The programme will also mould balanced human personality, both intelligence-and specialty-wise, apart from academic excellence and good morals. This program offers 100 places. However, the quota may change depending on the current needs of the national human capital development.

- **JPA- Talentcorp Cooperation Programm**

Beginning 2011, JPA formed a partnership with Talentcorp Malaysia Berhad (Talentcorp) to assist JPA graduates who have not been employed by the government to work with Government-linked companies (GLCs), companies which the Government has interests in, private companies that operate in Malaysia or selected non-government organizations (NGOs). In 2013 there were 458 graduates who successfully employed under this partnership.

This programme aims to attract and maintain more highly-skilled human capital to cater the present need for manpower in Malaysia. This is in tandem with the national transformation agenda in thrusting the country's economy to achieve high-income status by 2020.

PENILAIAN DAN PENGIKTIRAFAN KELAYAKAN

Bagi tahun 2013, Kerajaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Penilaian Pengiktirafan dan Kelayakan (JTPPK) telah mengiktiraf sebanyak:

- 71 kelayakan dari IPTA;
- 904 kelayakan dari IPTS; dan
- 20 kelayakan dari universiti luar negara

EVALUATION AND RECOGNITION QUALIFICATION

For 2013, the government through the Permanent Committee on Evaluation and Recognition of Qualification (PCERQ) has recognized:

- *71 qualification from the public institutions of higher learning;*
- *904 from the private institutions of higher learning; and*
- *20 qualifications from foreign universities*

UNIT PEMBANGUNAN KERJAYA

Unit Pembangunan Kerjaya bertanggungjawab dalam memantau urusan lapor diri pelajar tajaan JPA. Pada tahun 2013, seramai 1,698 graduan luar negara dan 6,205 graduan dalam negara telah melapor diri ke JPA setelah menamatkan pengajian mereka dengan jayanya. Unit ini juga bertanggungjawab dalam mempromosikan program-program penajaan JPA kepada pelajar-pelajar lepasan SPM dan STPM di seluruh negara. Unit ini juga giat menjalankan perjumpaan dengan pelajar tahun akhir tajaan biasiswa JPA di universiti-universiti tempatan di seluruh negara dan graduan tajaan JPA luar negara bagi memberi ingatan akan kewajipan pelajar tersebut melapor diri setelah tamat pengajian. Unit ini juga bertanggungjawab dalam membekalkan graduan bagi Program Talent Acceleration In Public Service (TAPS) yang dikelolakan oleh Razak School Of Government (RSOG) dan Program Scholarship Talent Attraction And Retention (STAR) yang dikelolakan oleh Talentcorp. Seramai 458 graduan telah mendapat pekerjaan di bawah Program STAR dan mereka ditempatkan di syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan dan swasta seperti Petronas, Pricewaterhouse Coopers (PwC), Ernst & Young, Shell dan Maybank.

KUTIPAN BAYARAN BALIK PINJAMAN

Jumlah kutipan bayaran balik Pinjaman Pelajaran JPA sehingga 31 Disember 2013 ialah sebanyak RM44,710,230.65. Jumlah ini meningkat sebanyak RM4.97 juta berbanding tahun 2012. Bilangan peminjam aktif yang telah selesai membayar balik pinjaman telah meningkat kepada 4,513 orang yang menjadikan jumlah peminjam selesai bayar adalah seramai 74,757 orang.

TUNTUTAN GANTIRUGI

Sasaran kutipan tuntutan gantirugi adalah sebanyak RM10 Juta bagi tahun 2013. Melalui pemantauan berkala dan pelbagai aktiviti mengesan para penerima biasiswa JPA yang telah melanggar syarat perjanjian biasiswa, sebanyak RM11,816,134.22 telah berjaya dituntut mulai dari 1 Januari 2013 sehingga 31 Disember 2013 dengan pencapaian prestasi kutipan sebanyak 118.16%. Jumlah kutipan sehingga 31 Disember 2013 diperincikan seperti gambar rajah di sebelah:

CAREER DEVELOPMENT UNIT

Career Development Unit is responsible for monitoring JPA-sponsored students in reporting to JPA upon completion of their studies. In 2013, a total of 1,698 scholars graduated from foreign universities and 6,205 scholars graduated from local universities. This unit is also responsible for promoting JPA sponsorship programs to SPM and STPM leavers. This unit organizes frequent meetings with final year PSD scholarship students in local public universities and overseas graduates to remind them of their responsibility to report to JPA upon completion of their studies. This unit is responsible for providing the graduates for Talent Acceleration In Public Service Program (TAPS) which falls under the purview of the Razak School of Government (RSOG) and Scholarship Talent Attraction And Retention Program (STAR) which falls under the purview of Talentcorp. The STAR program has benefited 458 graduates who have successfully secured employment with government linked companies or in the private sector such as Petronas, Pricewaterhouse Coopers (PwC), Ernst & Young, Shell and Maybank.


COLLECTION OF LOAN REPAYMENT

The total collection of JPA students' loans repayment til 31 December 2013 was RM44,710,230.65 which was RM4.97 million higher than in 2012. The number of active payees who settled their loan has increased to 4,513 bringing the total numbers of payees to 74,757.

INDEMNITY

The target for indemnity collection for 2013 was RM10 million and reached RM11,816,134.22, an overall collection performance of 118.16%. This performance was attributed by regular monitoring and activities to locate JPA scholarship recipients who breached the terms of the scholarship agreement. The detail of total collections as at 31st December 2013 are shown below:

Kutipan Tuntutan Gantirugi Januari-Disember 2013
Damages Claim Proceeds from January-December 2013



LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

Dalam usaha untuk memastikan negara mempunyai modal insan yang lebih kompeten dan berdaya saing dalam perkhidmatan awam, JPA telah diberi peruntukan sebanyak RM84 juta untuk membiayai latihan kepada penjawat awam. Program latihan yang dijalankan kepada penjawat awam di bawah skop Latihan Dalam Perkhidmatan merangkumi kursus jangka pendek, sederhana dan panjang yang diadakan di dalam dan luar negara.

IN-SERVICE TRAINING

To develop more competent and competitive government officers in the public sector, JPA received a total allocation of RM84 million to sponsor them for various short-, mid-, and long-term training programs both locally and abroad.



Senarai Program / Kursus di Bawah Sektor Latihan Dalam Perkhidmatan 2013
In-Service Training Programs For The Year Of 2013

Bil. No.	PROGRAM / KURSUS PROGRAMME / COURSE	BIL. PEGAWAI NUMBER OF OFFICERS
1.	Program Latihan Pengurusan Tertinggi (JUSA) <i>Training Program Management (JUSA)</i>	12
2.	Program Latihan Sangkutan Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan di Syarikat Swasta <i>Training Attachment for Senior Government Officers in Private Company</i>	13
3.	Program Khas Pegawai Hal-Ehwal Islam (JAKIM) <i>Special Program for Islamic Affairs Officer (JAKIM)</i>	25
4.	Program Pembangunan Kepimpinan Kumpulan Pengurusan Pertengahan (Gred 48-54) <i>Leadership Development Program for Middle Management (Grades 48-54)</i>	50
5.	Program Pembangunan Kemahiran, Tenaga Pengajar Institut Latihan Kemahiran (ILK) - 13 ILK <i>Skills Development Program for Trainers at Training Skills Institute</i>	3,500
6.	Program Latihan Tenaga Pelajar, Institut Latihan Awam (ILA) - 16 ILA <i>Training Instructors Programme, Public Training Institute</i>	3,000
7.	Program Latihan Pembangunan - Central Official Training Institute (COTI) <i>Executive Development Programme - Central Official Training Institute (COTI)</i>	60
8.	Program Perkongsian Ekonomi <i>Economic Partnership Programme</i>	100
9.	Kursus-Kursus Pendek Anjuran Kerajaan / Badan Asing - Japan International Cooperation Agency (JICA) <i>Short Courses Organised by the Japan International Cooperation Agency (JICA)</i>	32
10.	Program Pertukaran Belia Malaysia - Korea <i>Malaysia - Korea Youth Exchange Program</i>	30
11.	Hadiah Latihan Persekutuan	500
12.	Hadiah Latihan Persekutuan Separa Basiswa	73
13.	Pinjaman Boleh Ubah	399
14.	Diploma Siswazah Dalam Penyalahgunaan Dadah / Saujana Kaunseling (Penyalahan Gunaan Dadah)	30
15.	Basiswa Yang Di Pertuan Agong	12
16.	Program Yuran Pengajian Secara Separuh Masa Kepada Penjawat Awam	580

98

**Transformasi Prestasi,
Pengiktirafan Dan Ganjaran**

*Transformation In Planning For Performance,
Recognition And Rewards*



**TRANSFORMASI PRESTASI,
PENGIKTIRAFAN DAN
GANJARAN**

*Transformation in Planning for Performance,
Recognition and Rewards*

TRANSFORMASI PRESTASI, PENGIKTIRAFAN DAN GANJARAN

TRANSFORMATION IN PLANNING FOR PERFORMANCE, RECOGNITION AND REWARDS

1. Penambahbaikan Jadual Gaji Minimum - Maksimum Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia.

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2013 ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai penambahbaikan struktur Jadual Gaji Minimum - Maksimum (JGMM) bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM). Struktur JGMM yang diwujudkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2012 ditambah baik dengan penggabungan Peringkat Gaji (P) bagi Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan & Profesional kepada satu lapisan jadual gaji minimum - maksimum yang baharu. Selain itu, gaji maksimum JGMM bagi semua Kumpulan Perkhidmatan ditambah Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) sebanyak tiga (3) KGT untuk membolehkan pegawai menikmati Pergerakan Gaji Tahunan (PGT). Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013.

2. Cuti Tanpa Rekod Perayaan Vaisakhi.

Selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri pada 7 Mei 2012, Kerajaan telah bersetuju supaya kemudahan Cuti Tanpa Rekod selama sehari diberi kepada semua Penjawat Awam penganut agama Sikh pada perayaan Vaisakhi iaitu 14 April setiap tahun mulai 2013 bagi kemudahan mereka menunaikan tanggungjawab keagamaan. Keputusan Kerajaan ini telah dilaksanakan melalui Surat Edaran JPA bertarikh 31 Januari 2013.

3. Pembekuan Cuti Rehat Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Bertugas Semasa Pilihanraya Umum Ke-13.

Kerajaan telah bersetuju supaya kemudahan Cuti Rehat bagi pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam yang telah dilantik oleh Suruhanjaya Pilihan Raya sebagai petugas pilihanraya dibekukan mulai 24 April 2013 hingga selesai urusan pilihanraya bagi memastikan kelancaran perjalanan Pilihan

1. Improvements in Minimum-Maximum Salary Structure for Federal Civil Servants Under the Malaysian Remuneration System.

Service Circular No. 2 of 2013 was implemented based on the decision made by the Government to improve the Minimum-Maximum Salary Structure (JGMM) for Federal Civil Servants under the Malaysian Remuneration System (SSM). JGMM structure, which was introduced in Service Circular No. 1 of 2012 has been enhanced by merging the existing Salary Level (P) to a single layer minimum - maximum salary scale for both the Implementer Group and the Management & Professional Group. Besides, the maximum salary scale in the JGMM was given additional 3 Annual Salary Increments (KGT) which has enabled officers to enjoy more Annual Salary Movement (PGT). This circular was effective 1st January 2013.

2. Unrecorded Leave for Vaisakhi Day.

In line with the Prime Minister's announcement on 7 May 2012, the government agreed to grant a one-day unrecorded leave beginning 2013 to Sikh civil servants to celebrate Vaisakhi Day which falls on 14th April for them to fulfill their religious obligations. This decision is implemented through JPA Circulation Letter dated 31 January 2013.

3. Leave Freeze Order For Civil Servants On-Duty During The 13th General Election.

The government agreed to freeze the annual leave of Civil Servants who have been appointed by the Election Commission as election officers effective 24 April 2013 until all matters related to the election were completed. This was to ensure the smooth running of the 13th General Election on 5 May 2013. This decision

Raya Umum Ke-13 yang diadakan pada 5 Mei 2013. Keputusan Kerajaan ini telah dilaksanakan melalui Surat Edaran JPA bertarikh 22 April 2013.

was implemented through JPA Circulation Letter dated 22 April 2013.

4. Pemberian Pemindahan Gaji Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia.

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2013 ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai pemberian pemindahan gaji dengan amaun bersamaan satu (1) Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM). Kerajaan memutuskan supaya kajian penambahbaikan skim perkhidmatan, penambahbaikan landasan kemajuan kerjaya serta pembetulan kepada masalah struktur gaji dalam SSM diselesaikan sebelum 31 Disember 2013. Berikutan daripada kajian penambahbaikan tersebut, gaji pegawai di bawah SSM akan dipindahkan ke struktur gaji baharu dengan diberikan faedah pemindahan gaji dengan amaun bersamaan satu (1) KGT. Memandangkan kajian tersebut dijangka selesai pada akhir tahun 2013, maka Kerajaan bersetuju supaya faedah pemindahan gaji dengan amaun bersamaan satu (1) KGT diberi lebih awal pada 1 Julai 2013.

4. Grant of Salary Adjustment to the Federal Civil Servants Under the Malaysian Remuneration System.

Service Circular No. 5 of 2013 executed the government's decision of granting salary adjustment to the amount equivalent to 1 annual salary increment (KGT) to Federal Public Servants under the Malaysian Remuneration System (SSM). This review of scheme of services, enhancements of career path and corrections to salary structures under SSM was completed by 31 December 2013. Following the review, salaries of those under SSM were transferred to a new salary structure with salary adjustment incentive equivalent to 1 KGT. As the study was completed by the end of 2013, the government agreed to grant the salary adjustment incentive beginning 1 July 2013.

5. Bantuan Khas Kewangan 2013.

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2013 ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Bantuan Khas Kewangan (BKK) kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan bagi tahun 2013. BKK sebanyak RM500.00 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Gred 1 hingga Gred 54 sebagai menghargai khidmat bakti penjawat awam dalam memacu program pembangunan negara ke arah sebuah negara maju. Pemberian BKK sebanyak RM250.00 turut dipanjangkan kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 24 Julai 2013.

5. Special Financial Assistance 2013.

Service Circular No. 7 of 2013 (effective 24 July 2013) was implemented based on the decision made by government to grant Special Financial Assistance (BKK) to officials of Federal Public Service for 2013. BKK of RM500.00 was granted to officers from Grade 1 to 54 as a token of appreciation for their services and contributions in driving the country's development programs. BKK of RM250.00 was extended to retirees under the pension scheme.

6. Penambahbaikan Jadual Gaji Minimum - Maksimum Gred 1 hingga Gred 54 Di Bawah Sistem Saraan Malaysia.

Kerajaan telah bersetuju supaya struktur Jadual Gaji Minimum - Maksimum (JGMM) bagi pegawai dalam Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 1 hingga Gred 54 di bawah Sistem Saraan

6. Improvement of the Minimum - Maximum Salary Structure for Grade 1 to Grade 54 Under The Malaysian Remuneration System.

The government agreed that the Minimum - Maximum Salary Structure (JGMM) for civil servants in the Implementation Group and Management & Professional Group from Grade 1 to Grade 54 under the Malaysian Remuneration System be improved based on

Malaysia ditambah baik berdasarkan kepada prinsip-prinsip seperti berikut:

- (a) penambahbaikan struktur gaji mengikut prinsip kadar upah mengikut kerja dan kelayakan masuk yang diperlukan, serta prinsip relativiti dan pariti;
- (b) gaji maksimum tertentu dalam JGMM diperkemas bagi menampung prinsip penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat;
- (c) gaji maksimum dalam JGMM ditambah sebanyak dua (2) Kenaikan Gaji Tahunan bagi membolehkan pegawai menikmati Pergerakan Gaji Tahunan (PGT); dan
- (d) amaun gaji minimum dan maksimum dalam JGMM turut dibundarkan.

Keputusan Kerajaan ini telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 36 Tahun 2013 dan berkuat kuasa mulai 1 November 2013.

7. Imbuan Tahunan Dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013.

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 37 Tahun 2013 ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk membayar Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi pada tahun 2013 sebagai penghargaan kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan. Kadar Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi pada tahun 2013 yang ditetapkan adalah sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM500.00. Imbuan Tahunan dibayar kepada pegawai dalam Kumpulan Pelaksana serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional manakala Bayaran Khas Prestasi dibayar kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi. Keputusan ini dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 37 Tahun 2013 bertarikh 29 November 2013.

8. Pemberian Subsidi Yuran Pengasuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak Di Tempat Kerja Sektor Awam.

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 38 Tahun 2013 ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk meminda kelayakan pendapatan bulanan isi rumah penjawat awam dari RM3,000.00 ke RM5,000.00 bagi menambahbaik pemberian subsidi yuran pengasuhan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) di tempat kerja sektor awam. Pemberian subsidi yuran pengasuhan TASKA ini telah sedia dinikmati oleh penjawat awam yang diperuntukkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2007 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2008. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2014.

the following principles:

- (a) the improvements of salaries structure are in accordance with the principle of wage-job rate and appointment qualifications, and the principle of relativity and parity;*
- (b) some maximum salary scales in the JGMM are streamlined to accommodate the principle of determination of beginning salary for promotion grades;*
- (c) all maximum salaries in JGMM were increased by two (2) annual increments to allow officers to enjoy more Annual Wage Movement (PGT); and*
- (d) all minimum and maximum salary points in JGMM were rounded.*

This decision was implemented via Service Circular No. 36 of 2013 effective 1 November 2013.

7. Annual Remuneration and Special Performance Payment 2013.

Service Circular No. 37 of 2013, effective 29 November 2013, implemented the government decision of granting Annual Remuneration and Special Performance Payment for 2013 as appreciation for officers in the Federal Civil Service. The quantum of Annual Remuneration and Special Performance 2013 was 1/2 month salary or a minimum of RM500.00. The Annual Remuneration was granted to officers in the Implementation Group and Management & Professional Group whereas the Special Performance Payment was granted to officers in the Top Management Group.

8. Subsidy Grant to Child Care Fee in the Public Sector Workplace.

The Service Circular No. 38 of 2013, effective 1 January 2014, implemented the government decision to amend the qualifying household monthly income of civil servants from RM3,000.00 to RM5,000.00 as an initiative to improve the subsidized fees grant of childcare at Child Care Centre (TASKA) in the workplace.. TASKA childcare fees subsidy was enjoyed by civil servants based on terms and conditions stipulated in Service Circular No. 4 of 2007 and the Service Circular Letter No. 13 of 2008.



9. Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perjawatan Dan Gaji Pekerja-pekerja Sektor Awam (JKK-MPGSA).

JKK-MPGSA bertanggungjawab menimbang penyemakan gaji, syarat-syarat perkhidmatan serta pewujudan elaun-elaun dan kemudahan bagi pekerja-pekerja sektor awam. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan dianggotai oleh Menteri Kewangan, seorang Menteri kanan serta Ketua Setiausaha Negara. Ketua Perkhidmatan Awam pula merupakan Setiausaha Mesyuarat.

Sepanjang tahun 2013, sebanyak empat (4) mesyuarat telah diadakan. Di antara keputusan mesyuarat adalah untuk menambahbaik terma rujukan JKK-MPGSA agar turut melibatkan usaha transformasi Perkhidmatan Awam dan menukar entiti JKK-MPGSA kepada Jawatankuasa Kabinet Mengenai Transformasi Perkhidmatan Awam (JKK-TPA). Sebanyak 13 kertas pertimbangan telah dibentangkan dalam mesyuarat tersebut dengan pecahan berdasarkan isu iaitu pencen (1), pembangunan organisasi (3), saraan (5), perkhidmatan (2) dan lain-lain (2).

Antara pencapaian berimpak tinggi yang telah berjaya diselesaikan dalam Mesyuarat JKK-MPGSA sepanjang tahun 2013 adalah seperti berikut:

- (a) Penambahbaikan Jadual Gaji Minimum - Maksimum Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia;

9. Cabinet Committee On Establishment And Salaries Of Employees In The Public Sector (JKK-MPGSA).

The Cabinet Committee On Establishment and Salaries of Employees in the Public Sector (JKK-MPGSA) is responsible for deciding matters pertaining to remuneration (salary, terms of service and allowances) of the public services. The meetings were chaired by the Hon Prime Minister with the Minister of Finance, a senior Cabinet Minister and the Chief Secretary to the Government of Malaysia as members of the meeting. The Director General of the Public Service is the secretary for the meeting.

In 2013, four meetings were held and one of the decisions made was to expand the terms of reference of the meeting to include the efforts in transforming the public services. The name of the meeting was then change to Cabinet Committee on Transforming The Public Service (JKK-TPA). Thirteen papers were presented in the meetings namely on issues related to pension (1), organizational development (3), remuneration (5), services (2) and others (2).

Among the high-impact achievement successfully finalized in JKK-MPGSA meetings in 2013 are as follows:

- (a) *improvement of the Minimum - Maximum Salary Structure for Federal Civil Service Under the Malaysian Remuneration System;*

- (b) Pelaksanaan Kesetaraan Pangkat Dan Penambahbaikan Jadual Gaji Minimum - Maksimum Bagi Perkhidmatan ATM dan PDRM Di Bawah Sistem Saraan Malaysia;
- (c) Pemberian Pemindahan Gaji Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia; dan
- (d) Penambahbaikan Jadual Gaji Minimum - Maksimum Gred 1 hingga Gred 54 Di Bawah Sistem Saraan Malaysia.

- (b) the implementation of Equivalence of Rank and Improvement of the Minimum - Maximum Salary Structure for ATM and PDRM Services Under the Malaysian Remuneration System;*
- (c) grant of Salary Adjustment to the Federal Civil Service Under the Malaysian Remuneration System; and*
- (d) improvement of the Minimum - Maximum Salary Structure for Grade 1 to Grade 54 Under The Malaysian Remuneration System.*

10. Majlis Taklimat Pekeliling Perkhidmatan Tahun 2013.

Taklimat dan sesi soal jawab berkaitan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 36 Tahun 2013 - Penambahbaikan Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) Gred 1 hingga Gred 54 di bawah Sistem Saraan Malaysia telah diadakan mulai 10 November 2013 hingga 3 Disember 2013 bersekali dengan taklimat penambahbaikan 81 skim perkhidmatan.

10. Briefing Sessions on Service Circular of 2013.

Briefing and Q & A sessions on Service Circular No. 36 of 2013 - Improvement of the Minimum - Maximum Salary Structure for Grade 1 to Grade 54 Under The Malaysian Remuneration System were held from 10 November to 3 December 2013 as part of the briefings on the improvement of 81 schemes of service in 2013.

11. Majlis Bersama Jabatan (MBJ).

Bagi tahun 2013, sebanyak 737 agensi yang melibatkan 238 agensi Persekutuan dan 499 agensi Negeri telah menubuhkan Majlis Bersama Jabatan (MBJ). Sehingga 31 Disember 2013, sebanyak 575 (78.9%) agensi telah mengadakan mesyuarat MBJ sekurang-kurangnya sekali setahun, iaitu 170 agensi di peringkat Persekutuan dan 405 di peringkat Negeri manakala, 162 agensi (22%) daripada kedua-dua peringkat tersebut tidak mengadakan mesyuarat MBJ.

11. Joint Departmental Council (JDC).

In 2013, 737 agencies from 238 federal and 499 states established the Joint Departmental Councils (MBJ). As of 31 December 2013, a total of 575 agencies (78.9%) had organized at least one MBJ meeting for 2013. This number consisted of 170 agencies at federal level and 405 at state level. The remaining 162 agencies (22%) did not hold any MBJ meeting for the year.

Persidangan MBJ telah diadakan pada 20 Jun 2013 di Jabatan Perkhidmatan Awam, Cyberjaya yang dihadiri oleh wakil-wakil agensi yang menyelaras MBJ di peringkat Jabatan masing-masing. Semasa persidangan tersebut dibentangkan laporan penubuhan, keaktifan dan status isu-isu yang berjaya diselesaikan. Di samping itu, turut dibentangkan laporan Key Performance Indicator (KPI) MBJ bagi tahun 2012 serta sesi berkongsi pengalaman penubuhan dan pelaksanaan MJB oleh Majlis Perbandaran Kemaman dan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah.

MBJ Conference was organized on 20 June 2013 at Public Service Division, Cyberjaya to report and discuss matters pertaining to status of establishments of MBJ, status of resolved issues and performance of the Key Performance Indicator (KPI) of MBJ for 2012. This conference, which is attended by MBJ coordinating representatives from various departments and agencies also served as a platform for agencies i.e., Kemaman and Johor Bharu Tengah Municipal Council to share their experiences in establishing and running MBJ at their level.

Bagi aktiviti taklimat MBJ, sebanyak sepuluh (10) taklimat telah diadakan di agensi-agens Persekutuan dan Negeri. Taklimat ini bertujuan

A total of 10 MBJ briefings were held among the Federal and State agencies in 2013. These activities were aimed providing better

sebagai usaha untuk memberikan penerangan lebih jelas mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan penubuhan dan perjalanan MBJ. Bagi tahun 2013, sesi taklimat MBJ telah diadakan di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang, Pejabat SUK Negeri Selangor, Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS), Majlis Perbandaran Kemaman, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Majlis Bandar Raya Petaling Jaya, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Majlis Agama dan Adat Melayu Terengganu, Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

understanding on matters related to the establishment and execution of MBJ at both federal and state levels. The MBJ briefings were held at Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang, Selangor State Office, Malaysian Institute of Road Safety (MIROS), Kemaman Municipal Council, Malaysian Anti - Corruption Commission, Petaling Jaya City Council, Royal Malaysian Customs Department, Majlis Agama dan Adat Melayu Terengganu, Ampang Jaya Municipal Council and Ministry of Science, Technology and Innovation.

12. Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan (MBK).

Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) diwujudkan sebagai satu (1) forum bagi Pihak Pekerja dan Pihak Pegawai untuk membincangkan prinsip-prinsip saraan, elaun, kemudahan dan syarat-syarat perkhidmatan bagi penjawat awam. Sebanyak enam (6) Mesyuarat MBK yang melibatkan MBK bagi pekerja-pekerja Pengurusan dan Profesional (MBK P&P), MBK bagi pekerja-pekerja Sains dan Teknologi dalam Kumpulan Pelaksana (MBK S&T) dan MBK bagi pekerja-pekerja Am dalam Kumpulan Pelaksana (MBK Am) telah diadakan pada tahun 2013. Melalui mesyuarat tersebut, sebanyak 67 isu telah dibincangkan dengan pecahan saraan (12), pasca perkhidmatan (3), pembangunan organisasi (16), perjawatan (11) dan ICT (2) manakala 9 isu di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia, 6 (Kementerian Pendidikan Malaysia), 5 (Kementerian Kewangan) dan 3 (lain-lain). Kesemua 12 isu di bawah bidang kuasa Bahagian Saraan, JPA telah berjaya diselesaikan (100%) sepanjang Mesyuarat MBK bagi tahun 2013.

12. National Joint Council (NJC).

The National Joint Council (NJC) Meeting is a forum for workers and officials to discuss matters on remuneration, allowances, perquisites and service schemes in the public service. Six NJC meetings were held involving NJC of the Management and Professional, NJC for Science and Technology and NJC of General Staff in the Implementor Group in 2013. Throughout the meetings, 67 issues were discussed with 12 issues on remuneration, pensions (3), organizational development (16), services (11) and ICT (2) while 9 other issues were under the jurisdiction of the Ministry of Health Malaysia, 6 (Ministry of Education), 5 (Ministry of Finance) and 3 (others). All 12 issues under the jurisdiction of Remuneration Division, JPA were successfully resolved (100%) through NJC Meetings in 2013.





PORTAL RASMI JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

LAMAN UTAMA KORPORAT TRANSFORMASI PIAGAM PELANGGAN GALERI SOALAN LAZIM HUBUNGI KAMI

PENJAWAT AWAM PESARA PELAJAR RAKYAT

INFORMASI UNTUK PENJAWAT AWAM MALAYSIA

- PRINSIP PERKHIDMATAN
- PERKHIDMATAN PSIKOLOGI
- ELAUN DAN KEMUDAHAN PERKHIDMATAN AWAM
- TAJAJAN
- MODAT TURUN BORANG

TINDAKAN SUSULAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012 DAN TAHUN 2013 SIRI 1



Gerbang Sub-Agensi

- INTAN
- eSILA
- Pasca Perkhidmatan



Katalunci Kategori: Semua Kategori Cari

SEBUT HARGA: JPA(S)12/2014

20 JUN 2014

Sebut Harga Kerja-Kerja Susunatur Ruang Pejabat Blok C1 Dan C2, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Putrajaya

Tarikh Tutup: 03 Julai 2014 (Khamis)

Muat Turun Sebut Harga: JPA(S)12/2014 / Nota Kian



TAWARAN BER JPA/08/2014

18 JUN 2014

Tawaran Ber JPA/08/2014 / Maklumat / Awam

106

**Teknologi Maklumat Dan
Komunikasi (ICT)**

*Information Technology & Communication
(ICT)*



**TEKNOLOGI MAKLUMAT
DAN KOMUNIKASI (ICT)**

*Information Technology
and Communication (ICT)*

TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) merupakan komponen penting dalam merealisasikan pembangunan dan melonjak kemajuan sesebuah organisasi mahupun negara. Penggunaan ICT yang kian meluas di arena globalisasi menjadikan setiap negara perlu meningkatkan keupayaan ICT masing-masing untuk kekal relevan dan berdaya saing dalam pasaran dunia. Tindakan Kerajaan Malaysia memperkasakan ICT dalam sistem pentadbirannya merupakan langkah yang tepat dalam usaha meningkatkan kecekapan, produktiviti, ketelusan dan seterusnya menjayakan transformasi perkhidmatan awam.

Pengurusan data dan maklumat sumber manusia secara efisien dan efektif merupakan key success factor kepada pengoperasian dan perancangan strategik sumber manusia dalam mencapai misi nasional. Untuk mencapai misi tersebut, pelbagai usaha telah dilakukan oleh JPA dalam memantapkan proses pengurusan data dan maklumat sumber manusia menerusi penggunaan ICT secara optimum.

1. LAPORAN PROGRAM/AKTIVITI UTAMA BAHAGIAN.

Sepanjang tahun 2013, pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan oleh JPA dalam usaha melonjakkan penggunaan ICT dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Antara program dan aktiviti utama yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

a) Penyelenggaraan Aplikasi HRMIS Dan Aplikasi Generik Secara Dalaman.

Sebagaimana terdahulu, BPM meneruskan kesinambungan untuk membangun dan menyelenggara Aplikasi HRMIS dan Aplikasi Generik menggunakan kepakaran dalaman.

Padatahun 2013, tumpuan banyak diberikan kepada aktiviti penambahbaikan Aplikasi HRMIS, Sistem Maklumat Latihan Online (eSILA), Sistem Penilaian 360o, Sistem Pengauditan Indeks Akauntabiliti (SPIA) dan pembangunan Sistem e-Pelanggan.

Selain penambahbaikan dan penyelenggaraan HRMIS, Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) juga telah melaksanakan aktiviti code review bagi modul Login Page, Left Menu, Sekuriti, Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan

INFORMATION TECHNOLOGY & COMMUNICATION (ICT)

Information and Communication Technology (ICT) is a key component to attain development and elevate the progress of an organisation or a country. The rapid spread of ICT usage during this age of globalization requires each country to further improve their ICT capabilities to stay relevant and competitive in the world market. By empowering ICT in the administrative system, the Malaysian government is taking the right step in efforts to enhance efficiency, productivity and transparency along with the success of public service transformation.

In achieving the national mission, the efficiency and effectiveness in managing human resource information is a key success factor to its operation and strategic planning.. To achieve this mission, various efforts have been made to strengthen the management of human resource information through ICT.

1. DIVISION'S MAIN PROGRAMME/ACTIVITY REPORTS.

In 2013, various programmes and activities were undertaken to elevate the use of ICT in the service delivery. Among the main programmes and activities implemented are:

a) Internal Maintenance of HRMIS and Generic Applications.

As previously, the Information Management Division (BPM) continues to develop and maintain HRMIS and Generic application using internal expertise.

In 2013, focus was on activities involving the enhancement of HRMIS, Sistem Maklumat Latihan Online (eSILA), Sistem Penilaian 360o, Sistem Pengauditan Indeks Akauntabiliti (SPIA) applications along with the development of Sistem Pelanggan.

In addition to the enhancement and maintenance of HRMIS, the BPM also conducted code review activity for HRMIS modules, for instance, the Login Page, Left Menu, Sasaran Kerja Tahunan (SKT) and

Penilaian Prestasi (LNPT). Objektif aktiviti ini adalah untuk memastikan prestasi HRMIS sentiasa berada dalam keadaan yang optimum. Kesan aktiviti ini, HRMIS telah berjaya dicapai dengan lancar sepanjang tahun 2013, melibatkan jumlah pengguna, transaksi dan login HRMIS seperti berikut:

Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT). The objective of this activity was to ensure HRMIS is performing at the optimum level. As a result, HRMIS efficiency was raised in 2013, with a total number of users, transactions and system logins as follows:

PERKARA ITEM	2013
Bil. Transaksi HRMIS <i>Total of HRMIS Transaction</i>	62,155,121
Bil. Pengguna HRMIS <i>Total of HRMIS User</i>	871,476
Bil. Login HRMIS <i>Total of HRMIS Login</i>	46,393,433

Sumber: HRMIS
Source: HRMIS

Sehingga Disember 2013, program ini telah berjaya menyelesaikan sebanyak 2,714 mandays log pembangunan, penambahbaikan dan penyelenggaraan aplikasi HRMIS dan aplikasi Generik. Hasilnya, Kerajaan telah berjaya menjimatkan kos sebanyak RM2,162,260.00 setahun.

As of December 2013, A total of 2,714 mandays of development, enhancement and maintenance logs for HRMIS and Generic applications were carried out and as a result, the government recorded a savings of up to RM2,162,260.00.

b) Perekayasaan Proses Kerja – HRMIS 2.0.

Mesyuarat Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) Bilangan 1 Tahun 2012 pada 15 Mac 2012 telah bersetuju dengan cadangan untuk membangunkan HRMIS 2.0 dengan menggunakan kepakaran dalaman JPA dan Agensi Kerajaan lain dengan kerjasama Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Aktiviti pembangunan HRMIS 2.0 dilaksanakan dalam 3 fasa mengikut ketetapan modul / submodul seperti berikut:

b) Business Process Reengineering – HRMIS 2.0.

On 15 March 2012, the IT and Government Internet Committee Meeting (JITIK)1 of 2012, approved the proposal to develop HRMIS 2.0 using JPA's internal and other government agencies' expertise with the collaboration from the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU).

HRMIS 2.0 development activities were carried out in three phases according to the following modules / sub-module:

Fasa 1 <i>Phase</i>	Fasa 1 <i>Phase</i>	<ul style="list-style-type: none"> Sasaran Kerja Tahunan (SKT) / Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) Sasaran Kerja Tahunan (SKT) / Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) Rekod Peribadi Personal Record Pembangunan Organisasi Organisational Development
Fasa 2 <i>Phase</i>	Fasa 2a <i>Phase</i>	<ul style="list-style-type: none"> Modul – modul Penjawat Awam Competency Owner modules
	Fasa 2b <i>Phase</i>	<ul style="list-style-type: none"> Modul – modul yang berkaitan dengan perkhidmatan Modules related to services
Fasa 3 <i>Phase</i>	Fasa 3 <i>Phase</i>	<ul style="list-style-type: none"> Modul – modul strategis Strategist modules Modul – modul sokongan Supporting modules

Pembangunan Fasa 1 bermula pada bulan Mac 2012 manakala pembangunan Fasa 2 & 3 bermula serentak pada Mei 2013. Keseluruhan pembangunan HRMIS 2.0 dijadualkan selesai pada bulan Jun 2014.

Semasa pembangunan HRMIS 2.0 giat dijalankan, proses penambahbaikan dan menaik taraf HRMIS sedia ada turut dilaksanakan. Hasilnya, prestasi HRMIS telah berjaya ditingkatkan. Ianya terbukti menerusi tiga (3) siri stress test yang dijalankan dan HRMIS berjaya dicapai serta digunakan dengan lancar sepanjang tahun 2013.

Setelah mengambil kira prestasi HRMIS semakin stabil dan meningkat, maka Mesyuarat Kerja Rasionalisasi HRMIS 2.0 yang diadakan pada 29 hingga 30 Julai 2013 bersetuju agar HRMIS sedia ada terus digunakan dan kaedah pembangunan HRMIS 2.0 dilaksanakan dalam 2 peringkat iaitu:

- (i) Pembangunan Peringkat Pertama (Ogos 2013 – Mei 2014)
 1. Membangunkan *User Interface* (UI) baharu dengan pengurangan klik, pengurangan bilangan menu dan pengurangan *page*;
 2. Boleh dicapai oleh pelbagai *Browser*; dan
 3. Mempunyai keupayaan *mobility access*.
- (ii) Pembangunan Peringkat Kedua (Selepas Mei 2014)
 1. *Personalization*;
 2. *Multi Platform (O/S & Device)*;
 3. *Business Intelligence*;
 4. *Mobile Native Apps*; dan
 5. *Responsive UI*

c) Pelaksanaan HRMIS Sebagai Key Performance Indicator.

Bagi tahun 2013, Mesyuarat Mingguan dengan YBhg. Ketua Setiausaha Negara Bil.31/2012 pada 27 November 2012 memutuskan supaya pelaksanaan KPI bagi Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA) Tier 1 diperluaskan kepada lapan (8) lagi jawatan melibatkan agensi berikut:

- (i) Jabatan Audit Negara
- (ii) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
- (iii) Jabatan Kastam Diraja
- (iv) Jabatan Pengairan dan Saliran
- (v) Unit Kerjasama Awam dan Swasta
- (vi) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
- (vii) Jabatan Perdana Menteri
- (viii) Jabatan Pengajian Tinggi

Phase 1 of the Development commenced in March 2012 while Phase 2 & 3 started simultaneously in May 2013. The full development of HRMIS 2.0 is scheduled for completion in June 2014.

During the development of HRMIS 2.0, a number of enhancement and upgrading processes on the existing HRMIS were implemented. As a result, HRMIS performance has improved as evident by the success of 3 series of stress tests and that HRMIS operated smoothly throughout 2013.

After taking into consideration the vast improvement and stability of HRMIS performance, Mesyuarat Kerja Rasionalisasi HRMIS 2.0, held on 29 - 30 July 2013 agreed that the existing HRMIS continue to be utilized and the method of development of HRMIS 2.0 be implemented in two levels:

- (i) *First Level of Development (August 2013 – May 2013)*
 1. *Developed a new User Interface (UI) with a reduction in the number of clicks, menus and pages;*
 2. *Accessed through various Browsers; and*
 3. *Accessed through mobile.*
- (ii) *Second Level of Development (After May 2014)*
 1. *Personalization;*
 2. *Multi Platform (O/S & Device);*
 3. *Business Intelligence;*
 4. *Mobile Native Apps; dan*
 5. *Responsive UI*

c) Implementation of HRMIS as Key Performance Indicator.

In 2013, the weekly meeting with YBhg. KChief Secretary to the Government .31/2012 on 27 November 2012 decided that the implementation of KPIs for Public Service Top Management Tier 1 be extended to 8 positions in the following agencies:

- (i) *National Audit Department*
- (ii) *Malaysian Anti-Corruption Commission*
- (iii) *Royal Malaysian Customs Department*
- (iv) *Department of Irrigation and Drainage Malaysia*
- (v) *Public Private Partnership Unit*
- (vi) *Syariah Judiciary Department Malaysia*
- (vii) *Prime Minister's Department*
- (viii) *Department of Higher Education*



Gambar 3 : Program HRMIS User Group Summit (HUGS) 2013
Picture 3 : Program HRMIS User Group Summit (HUGS) 2013

d) Pengurusan Perubahan dan Latihan.

Sepanjang tahun 2013, program pengurusan perubahan yang telah diadakan adalah seperti berikut:

- (i) Turun Padang Kembara HRMIS Siri 1 (11-13 November 2013):
 1. Jabatan Pendidikan Negeri Johor
 2. Sekolah Rendah Taman Johor Jaya 1, Pasir Gudang, Johor
 3. Sekolah Menengah Agama Johor Bahru
 4. Politeknik Ibrahim Sultan, Pasir Gudang, Johor
 5. Jabatan Imigresen Johor, Kompleks KDN, Setia Tropika
 6. Jabatan Imigresen Johor, (Pejabat Imigresen Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin)
- (ii) HRMIS User Group Summit (HUGS) 2013 iaitu satu sidang kemuncak melibatkan Chief Information Officer (CIO) agensi, pengurus-pengurus sumber manusia, pengurus-pengurus ICT dan pentadbir-pentadbir HRMIS telah diadakan buat pertama kalinya di Pusat Konvensyen Sultan Ahmad Shah, Kuantan, Pahang pada 16 hingga 18 Disember 2013. Program ini melibatkan penyertaan seramai 310 orang peserta daripada kementerian, PSUK Negeri dan agensi-agensi yang dikenakan KPI HRMIS.

d) Change Management and Training.

In 2013 the following change management programme was held:

- (i) Series 1 HRMIS 'Turun Padang' (11-13 November 2013):*
 - 1. Jabatan Pendidikan Negeri Johor*
 - 2. Sekolah Rendah Taman Johor Jaya 1, Pasir Gudang, Johor*
 - 3. Sekolah Menengah Agama Johor Bahru*
 - 4. Politeknik Ibrahim Sultan, Pasir Gudang, Johor*
 - 5. Jabatan Imigresen Johor, Kompleks KDN, Setia Tropika*
 - 6. Jabatan Imigresen Johor, (Pejabat Imigresen Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin)*
- (ii) HRMIS User Group Summit (HUGS) 2013 was held for the first time at the Sultan Ahmad Shah Convention Center, Kuantan, Pahang from 16 - 18 December 2013, involving the agencies' Chief Information Officer (CIO), human resource managers, ICT managers and HRMIS administrators. A total of 310 participants from ministries, PSUK States and other agencies that were being evaluated under the HRMIS KPI attended.*

Selain itu, BPM juga telah menyertai sebanyak dua (2) pameran dan ekspo di peringkat kebangsaan iaitu di Pameran dan Dialog HRMIS anjuran Jabatan Penyiaran, RTM dan semasa program HRMIS User Group Summit (HUGS) 2013 di Pusat Konvensyen Sultan Ahmad Shah, Kuantan, Pahang.

In addition, BPM participated in an exhibition and expo at the national level held during the HRMIS Dialogue and Exhibition organized by the Information Department, RTM, and the HRMIS User Group Summit (HUGS) in 2013 at the Convention Centre Sultan Ahmad Shah, Kuantan, Pahang.

Manakala, jumlah latihan bagi tahun 2013 yang selesai dilaksanakan adalah sebanyak 60 sesi merangkumi 30 sesi latihan HRMIS yang dianjurkan oleh JPA kepada semua Kementerian/PSUK dan agensi, 10 sesi latihan kepada warga JPA dan 20 sesi latihan yang dianjurkan oleh Kementerian/PSUK dan agensi yang melibatkan JPA.

Meanwhile, the number of training sessions completed in 2013 totalled 60, covering 30 HRMIS organized by the JPA to all ministries / PSUK and agencies, 10 for JPA staff and 20 organized by the Ministry / PSUK and agencies that required JPA involvement.

e) Pemantapan Pengurusan Helpdesk HRMIS.


e) Strengthening the Management of HRMIS Helpdesk.

Helpdesk HRMIS berfungsi sebagai pusat rujukan setempat bagi pengguna HRMIS sekiranya terdapat sebarang permasalahan atau pertanyaan berkaitan aplikasi HRMIS. Helpdesk HRMIS boleh dihubungi melalui talian Hotline 03-83211400 atau alamat emel hrmis_helpdesk@jpa.gov.my

HRMIS Helpdesk serves as user's referral centre for any complications or inquiry regarding HRMIS application. HRMIS Helpdesk Hotline can be reached at 03-83211400 or emailed at hrmis_helpdesk@jpa.gov.my

Berikut adalah jadual trend aduan HRMIS yang direkodkan dalam sistem Helpdesk HRMIS mulai tahun 2009 hingga 2013:

The table below depicts the trend of complaints recorded over the HRMIS Helpdesk system from 2009 to 2013:



Aduan HRMIS yang diterima ini direkodkan ke dalam sistem Helpdesk HRMIS secara sistematik bagi memastikan maklum balas penyelesaian masalah dan pemantauan dibuat secara berkesan dan efektif. Selain itu, sebanyak lima (5) Sesi Interaksi Bersama Pasukan Helpdesk HRMIS Agensi telah berjaya diadakan, melibatkan sepuluh (10) Kementerian/Jabatan dan empat (4) SUK dengan berteraskan objektif berikut:

- (i) Memberi fokus kepada pengurusan log aduan HRMIS yang lebih efektif dan kerjasama antara agensi dapat ditingkatkan; dan
- (ii) Perkongsian maklumat Helpdesk HRMIS bersama agensi bagi memastikan pelaksanaan HRMIS berjalan lancar

f) Pemantapan Keselamatan ICT.

Pada 10 Oktober 2012 BPM telah berjaya memperolehi pensijilan Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat berdasarkan kepada standard MS ISO/IEC 27001:2007 daripada pihak SIRIM QAS International Sdn Bhd bagi skop Operasi dan Penyelenggaraan Pusat Data Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) dan Pengendalian Meja Bantuan HRMIS Tahap Satu. Sepanjang tahun 2013, kesinambungan pelaksanaan pensijilan ISMS diteruskan di mana pihak SIRIM telah melaksanakan audit pemantauan tahun 1 bagi memastikan keperluan standard ISMS sentiasa dipatuhi mengikut piawaian yang ditetapkan.

Usaha bagi meningkatkan tahap keselamatan infrastruktur ICT di JPA dilaksanakan melalui jalinan kolaborasi dengan pihak MAMPU. Projek MyGSOC yang diteraju oleh pihak MAMPU adalah inisiatif Kerajaan bagi menyediakan sistem kawalan keselamatan ICT secara menyeluruh dan berpusat melalui konsep perkhidmatan keselamatan ICT terurus Kerajaan. Projek MyGSOC ini telah dilaksanakan di JPA yang merangkumi pemantauan keselamatan terhadap server-server dan rangkaian di JPA. Ini adalah bagi memastikan aset ICT JPA dilindungi dan membolehkan sebarang insiden keselamatan ICT dapat diuruskan dengan lebih cekap dan berkesan.

g) Pengurusan Portal dan Multimedia.

Portal JPA berfungsi sebagai gerbang utama penyaluran maklumat dasar pengurusan sumber manusia dan pengurusan organisasi sektor awam negara. Ia juga merupakan platform penyampaian perkhidmatan JPA secara maya. Sebanyak 30 perkhidmatan utama atas talian sentiasa tersedia untuk dicapai oleh pelanggan. Sejumlah 3,838,622

Complaints received are entered through the HRMIS Helpdesk system to ensure monitoring and problem solving is being done effectively. In addition, 5 Interaction Session with agencies' HRMIS Helpdesk Team were successfully conducted, involving 10 Ministries / Departments and 4 SUKs covering the following objectives:

- (i) Focusing to improve on the management of HRMIS complaint logs and the inter-agency cooperation; and*
- (ii) Knowledge sharing among HRMIS Helpdesk and the agencies is to assure effectiveness in HRMIS implementation*

f) Heightening ICT Security.

On 10 October 2012, BPM successfully received the certification of Information Security Management System based on MS ISO / IEC 27001:2007 from SIRIM QAS International Sdn. Bhd. within the scope of Data Center Operations and Maintenance of Human Resource Management Information System (HRMIS) and Operation Level One of Helpdesk HRMIS. During 2013, the continuation of the ISMS certification was carried out where the first SIRIM's surveillance audit was held to ensure the requirements of the ISMS adhered to the necessary standards.

Efforts to enhance the security of the ICT infrastructure in the JPA are carried out through joint collaboration with MAMPU. MyGSOC project led by MAMPU is a government initiative to provide ICT security system as a whole and centralized through the concept of Managed ICT Security Services. The implementation of MyGSOC project in the PSD involves the safety monitoring of servers and network. This implementation is to ensure ICT assets in the JPA are continuously being protected whereas any security incidents are being managed more efficiently and effectively.

g) Portal and Multimedia Management.

The JPA Portal serves as the main gateway in distributing information on human resource policies and organisation management of the public sector. It is also a platform for JPA services to be delivered virtually via online. A total of 30 major online services were available. A total of 3,838,622 transactions were made by visitors from over 180 countries in 2013. Systems that involve the main services

transaksi dilakukan oleh pelawat daripada lebih 180 negara sepanjang tahun 2013. Sistem yang paling kerap dilawati ialah sistem yang melibatkan perkhidmatan utama yang disediakan oleh JPA seperti penawaran biasiswa dan kemajuan kerjaya penjawat awam.

Dalam penilaian portal dan laman web agensi kerajaan (MGPWA) oleh MDeC pada tahun 2013, Portal JPA telah berjaya mengekalkan kedudukan bertaraf 5 Bintang dengan markah sebanyak 82/100. Pasukan Multimedia BPM juga turut berjaya menjimatkan perbelanjaan keseluruhan Jabatan dengan anggaran melebihi RM412,000 bagi pembangunan 43 montaj dan klip persembahan video untuk kegunaan peringkat kebangsaan dan dalaman JPA sepanjang 2013.

provided by the JPA such as scholarship applications and career development of civil servants were most frequently visited.

JPA Portal has successfully maintained its 5-star rating with a score of 82 out of 100 during the evaluation made by MDeC in 2013 on government agencies' portals and websites (MGPWA). BPM Multimedia team has also managed to save the entire department with a budget excess of RM412,000 for the development of 43 montage and video clip presentations for national and internal use during 2013.

The screenshot displays the official HRMIS portal interface. At the top, there is a navigation menu with links: UTAMA, INFO HRMIS, DIREKTORI, SOALAH LAZIM, MUJAT TURUN, GALERI, HUBUNG KAMI, and PETA LAMAN. Below the menu is the HRMIS logo and the text 'PORTAL RASMI HRMIS' and 'SISTEM MAKLUMAT PENGUSAHA SUMBER MANUSIA'. The main content area features a 'Makluman Semasa' section with several news items, each with a title and a date. On the right side, there are three service boxes: 'Talian Khidmat Meja Bantuan HRMIS' with links to Kementerian, Setiausaha Kerajaan Negeri, Berang Aduan HRMIS, and Emel Helpdesk; 'Aplikasi Online' with links to Aplikasi HRMIS (EGNet), Talian HRMISone, and Talian HRMIS2, along with instructions to use Internet Explorer and contact support; and 'Bantuan' with links to Manual Pengguna Portal HRMIS, Manual Pengguna SMS Culi HRMIS, and Akses Capan Kefahaman Upaya.

114

**Penawaran Pakej Faedah Persaraan
Yang Prihatin**

*Providing A Caring Retirement Benefits
Package*

116

**Pensions Online Workflow
Environment Versi Kedua
(POWER GEN. 2)**

*Pensions Online Workflow Environment
Second Version (POWER GEN.2)*

117

**Status Pelaksanaan
Implementation Status**

118

**Perkhidmatan MySMS dan USSD BP
MySMS Services And USSD BP**



**PENAWARAN PAKEJ
FAEDAH PERSARAAN
YANG PRIHATI**

*Providing a Caring Retirement
Benefits Package*

PENAWARAN PAKEJ FAEDAH PERSARAAN YANG PRIHATIN

Jasa dan sumbangan setiap anggota adalah landas kecemerlangan sesebuah organisasi. Dalam usaha menghargai sumbangan yang dicurahkan anggota Perkhidmatan Awam, JPA terus menggubal dasar berkaitan urusan persaraan dan tamat perkhidmatan bagi semua anggota Perkhidmatan Awam seperti skim persaraan, umur persaraan dan pakej faedah persaraan yang lebih baik.

PERBELANJAAN BAYARAN FAEDAH-FAEDAH PERSARAAN

Sepanjang tahun 2013, terdapat seramai 418,940 pesara dan 162,080 penerima pencen. Kerajaan telah menyediakan peruntukan faedah persaraan sebanyak RM13,154,204,913.00 (Peruntukan Tanggungan) dan RM293,533,100.00 (Peruntukan Mengurus).

Dari jumlah tersebut, faedah persaraan yang dibayar bagi tahun 2013 dan bilangan pesara dan penerima pencen dari 2005 hingga 2013 adalah seperti jadual di bawah:

Jenis Perkhidmatan <i>Type of Service</i>	RM
Ganjaran <i>Gratuity</i>	2,118,704,287.08
Pencen <i>Pensions</i>	10,430,609,464.00
Wang Gantian Cuti Rehat <i>Cash in Lieu of Leave</i>	235,793,535.17
Perubatan <i>Medical</i>	38,135,945.89

Perbelanjaan Bagi Membayar Faedah Persara 2013
Expenditure for Pensions and Retirement Benefits 2013

PROVIDING A CARING RETIREMENT BENEFITS PACKAGE

The contribution from each member is the key to be a part of an excellent organization. In an effort to appreciate the contributions of the government civil servant, JPA continue to formulate policies on managing retirement and end of service for all government civil servant members such as improved pension schemes, retirement age and retirement benefits package.

EXPENSES OF RETIREMENT BENEFITS

In 2013, a total of 418,940 pensioners and 162,080 pension recipients benefited from the government retirement schemes. The government made an allocation for retirement benefits of RM13,154,204,913 (Liability Provisions) and RM293,533,100 (Operating Expenditure).

Total benefits paid in 2013 and the number of pensioners and pension recipients from 2005 to 2013 are as shown:

Tahun Bersara Retirement Year	Bilangan Pesara No. of Pensioners	Bilangan Penerima Pencen No. of Pension Recipients	Jumlah Keseluruhan Total
2005	291,554	134,019	425,573
2006	309,904	137,364	447,268
2007	330,359	140,540	470,899
2008	346,975	143,601	490,576
2009	356,652	146,437	503,089
2010	372,849	149,436	522,285
2011	396,528	152,142	548,670
2012	411,729	153,954	565,683
2013	418,940	162,080	581,020

Bilangan Pesara Dan Penerima Pencen Dari Tahun 2005 Hingga 2013 (Kumulatif)
Number of Pensioners and Pension Recipients from 2005 to 2013 (Cumulative)

BAYARAN BANTUAN MENGURUS JENAZAH

Selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2011 pada 15 Oktober 2010, Kerajaan bersetuju memanjangkan faedah persaraan dengan memberi Bantuan Mengurus Jenazah kepada pesara Kerajaan dengan kadar yang diluluskan sebanyak RM3,000.00. JPA telah menguruskan pembayaran kepada 8,503 orang waris pesara yang telah meninggal dunia pada tahun 2013 dan melibatkan peruntukan sebanyak RM25,509,000.

BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2013

Bantuan Khas Kewangan telah diluluskan pada tahun 2013 kepada penjawat awam dan dipanjangkan juga kepada pesara perkhidmatan awam. Sebanyak RM250.00 telah dibayar pada bulan Julai 2013 kepada seramai 565,717 bilangan penerima yang melibatkan jumlah sebanyak RM141,429,250. Keputusan ini telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2012 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2012.

PENSWASTAAN AGENSI KERAJAAN

JPA telah membantu agensi-agensi yang masih di dalam proses untuk diswastakan dengan memberikan panduan kepada agensi berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2000 (Panduan Pengurusan Personel Untuk Agensi Awam Yang Akan Diswastakan). Agensi-agensi yang terlibat adalah seperti berikut:

FUNERAL ASSISTANCE PAYMENT MANAGEMENT

In accordance with the announcement made during Budget 2011 on 15 October 2010, the government agreed to extend retirement benefits amounting to RM3,000 to include Funeral Assistance Payment for government pensioners. JPA made payment amounting to RM25,509,000 to 8,503 beneficiaries' of pensioners who died in 2013.

SPECIAL FINANCIAL AID YEAR 2013

Special Financial Aid was approved for civil servants and pensioners. Pensioners were given RM250 each and a total of 565,727 recipients were paid in July 2013 involving a sum of RM141, 429,250. This decision was based on Circular No. 8 of 2012 and Circular No. 10 of 2012.

PRIVATIZATION OF GOVERNMENT AGENCIES

JPA provides consultation for agencies which are still in the process of being privatized via Service Circular 6 / 2000 (Personnel Management Guide for Public Agencies to be privatized). The agencies involved were:

- Sisa Pepejal Hulu Selangor
- Jabatan Bekalan Air Perlis
- Institut Farmaseutikal & Nutrasetikal Malaysia (Ipharm)
- Institut Genom Malaysia (MGI)
- Institut Agro-Bioteknologi Malaysia (ABI)
- Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC), Kementerian Kesihatan Malaysia
- Jabatan Bekalan Air Pahang
- Sisa Pepejal Zon Pantai Timur
- Kementerian Kerja Raya
- Kuari JKR
- Workshop Jabatan Labuan

Bagi tahun 2013, terdapat hanya satu agensi yang telah diswastakan iaitu Rumah Masak, Kementerian Pertahanan yang berkuatkuasa pada 3 Mac 2013.

PROGRAM *OUTREACH*

Program *Outreach* diperkenalkan sebagai usaha proaktif JPA meningkatkan kefahaman Ketua Jabatan dalam menguruskan persaraan kakitangan mereka yang akan bersara. Sebanyak 45 kursus berkaitan telah dijalankan kepada Bahagian Sumber Manusia (BSM) di agensi-agensi. Sebanyak 39 taklimat juga diatitkan kepada bakal-bakal pesara bagi menjelaskan mengenai kelayakan dan persediaan yang patut dilakukan sebelum melangkah ke alam persaraan.

Outreach juga meliputi penglibatan JPA dengan badan-badan NGO seperti persatuan-persatuan pesara sebagai pendekatan untuk terus mendayaupaya golongan pesara. JPA menjalankan khidmat nasihat dan kaunter kepada pesara dan mengadakan perjumpaan berkala dengan perwakilan persatuan-persatuan pesara. Bagi tahun 2013 sebanyak 21 aktiviti telah dijalankan melibatkan pesara seluruh negara.

PENSIONS ONLINE WORKFLOW ENVIRONMENT VERSI KEDUA (POWER GEN. 2)

Projek pembanguna semula sistem POWER telah diluluskan oleh Lembaga Perolehan JPM pada 9 Ogos 2012 yang melibatkan kos sebanyak RM6,921,093.00.

Hei Tech Padu Berhad telah dilantik sebagai syarikat yang bertanggungjawab dalam membangunkan sistem POWER Gen. 2 bagi tempoh selama 18 bulan bermula pada Ogos 2011 hingga Februari 2013.

Ciri-ciri sistem POWER Gen. 2 yang akan dibangunkan adalah seperti berikut:

- *Solid Waste Hulu Selangor*
- *Department of Water Supply Perlis*
- *Malaysian Institute of Pharmaceuticals & Nutraceuticals (Ipharm)*
- *Malaysia Genome Institute (MGI)*
- *Agro-Biotechnology Institute Malaysia (ABI)*
- *Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC), Ministry of Health Malaysia*
- *Pahang Department of Water Supply*
- *East Coast Solid Waste Zone*
- *Ministry of Works*
- *Quarry PWD*
- *Workshop Labuan Department*

In 2013 only one agency was privatised i.e., the kitchen (Food and Beverage Facility) of the Ministry of Defence on 3 March 2013

OUTREACH PROGRAM

The Outreach program was introduced as a proactive effort by JPA to improve understanding in managing the pension scheme for Heads of Department in agencies. A total of 45 courses were conducted by the Human Resources Division (BSM) in various agencies and a total of 39 briefings made to potential retirees to explain the procedures and preparations involved before retirement.

JPA's involvement in outreach programs also extends to NGOs such as Pensioner Association to revitalize the pensioners. JPA provides counter service and consultation to pensioners and periodical meetings to Pensioners Association representatives to ensure continuous empowerment of pensioners. As many as 21 activities were held involving pensioners from all over Malaysia.

PENSIONS ONLINE WORKFLOW ENVIRONMENT SECOND VERSION (POWER GEN.2)

POWER systems development projects have been approved by the Procurement Board of JPM on 9 August 2011 involving a cost of RM6,921,093.

HeiTechPadu Berhad was appointed the company responsible for developing the Gen.2 POWER systems for a period of 18 months beginning August 2011 to February 2013.

Features of Gen.2 POWER system to be developed are:

1. Web based architecture
2. Knowledge Based System (Executive Information System (EIS), Information on Demand (IOD))
3. Tidak terikat dengan sesuatu platform
4. Menggunakan teknologi semasa
5. Security menggunakan SSL (Secured Socket Layer)
6. Multi Delivery Channel
7. Menyokong perkhidmatan MySMS/MyID, connected government dan no wrong door policy
8. Mesra Pesara
9. High Availability

1. Web based architecture
2. Knowledge Based System (Executive Information System (EIS), Information on Demand (IOD))
3. Not bound by any platform
4. Using current technology
5. Using business rules / business logic
6. Security using with SSL (Secured Socket Layer)
7. Multi Delivery Channel
8. MySMS/MyID services support, connected government and no wrong door policy
9. User-Friendly
10. High Availability

STATUS PELAKSANAAN

Sistem POWER Gen. 2 telah digunakan secara menyeluruh bagi pembayaran pencen dan faedah persaraan bermula pada 2 Jan 2013.

Sistem Gen. 2 kini dalam fasa akhir tempoh jaminan yang akan tamat pada 14 Februari. Selepas tempoh ini, sistem akan diselenggara sepenuhnya oleh Cawangan ICT, Bahagian Pasca Perkhidmatan.

IMPLEMENTATION STATUS

POWER Systems Gen.2 was fully utilised for the payment of pensions and retirement benefits beginning 2 January 2013.

POWER Systems Gen.2 is now in the final phase of the warranty period that will expire on 14 February 2014 after which the system will be fully under the responsibility of ICT Branch, BP.

[Selasa , 24 Jun 2014]

MAKLUMAT BAGI PESARA/PENERIMA PENCEN

1MCSRS - Layari Portal 1 Malaysia Civil Service Retirement Support (1MCSRS) untuk mendapatkan pelbagai kemudahan-kemudahan yang disediakan kepada pesara **NEW!**

SOAL SELIDIK PESARA NEW! - Jabatan Perkhidmatan Awam kini sedang menyediakan satu platform untuk meningkatkan lagi pemberian kemudahan dan khidmat bantuan kepada golongan pesara. Sebanyak 5 bidang utama telah dikenalpasti sebagai saluran khidmat kepada pesara. Sila berikan maklumbalas mengikut kecenderungan dan minat tuan/puan

MUAT TURUN MOBILE APPLICATION i-PESARA VERSI Android OLEH BAHAGIAN PASCA PERKHIDMATAN

SENARAI MERCHANT KAD INTEGRASI - Pesara Layak Mendapatkan Diskaun Dengan Menggunakan Kad Pesara. **FAQ - KAD INTEGRASI**

[PENTING] PENUKARAN AKAUN BANK BAGI PESARA / PENERIMA PENCEN

PERKHIDMATAN PEMBIAYAAN PERUBATAN - Surat Edaran Perkhidmatan Pembiayaan Ubatan dan Alatan Perubatan Kepada Pesara Awam Persekutuan Dan Tanggungan Yang Layak.

MAKLUMAT GAJI AKHIR BAGI URUSAN PEMBAYARAN FAEDAH PERSARAAN DAN FAEDAH TERBITAN BERDASARKAN PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2012 ATAU PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 2012

e-MASS - Electronic Medical Automation Supply System

MAKLUMAT TERKINI

Tarikh Bayaran Pencen bagi Bulan April 2014 adalah pada 21 April 2014

Muat Turun Mobile Application i-PESARA Versi Android Oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan

SENARAI BORANG

SENARAI BORANG
Senarai Borang Pencen

ARKIB

ARKIB

PORTAL PENCEN

Selaras dengan pelaksanaan POWER Gen. 2, pada tahun 2013 BP telah menambah satu perkhidmatan sedia ada bagi maksud meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan secara atas talian iaitu:

- a) Cetakan Maklumat Bayaran (bermula Jun 2013)
- b) Cetakan Surat Pemakluman Pembayaran Faedah Persaraan (bermula Ogos 2013)

Dengan pertambahan perkhidmatan tersebut telah menjadikan bilangan semua perkhidmatan yang boleh dicapai atas talian (*online*) melalui Portal Pencen adalah sebanyak dua (2) perkhidmatan iaitu:

- (i) Aduan / Pertanyaan / Maklum balas
- (ii) Kemaskini Maklumat Emel dan Telefon Telefon Bimbit

PERKHIDMATAN MySMS DAN USSD BP

